

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 18

Hari Rabu

5 Ogos

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

-
(Ruangan)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998

(Ruangan)

- Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -
Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawli, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

" Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)

“ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 5 Ogos 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

“4 Ogos 1998

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998;
2. Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 1998;
3. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

MATA WANG TUNGGAL BAGI NEGARA ASEAN

1. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan Malaysia sedia melaksanakan sistem mata wang tunggal bagi negara-negara ASEAN bagi menjamin kestabilan sistem kewangan, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Malaysia dan Negara-negara ASEAN.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengadakan mata wang tunggal bagi negara-negara ASEAN perlu mendapat persetujuan ke semua negara ahli sebelum dilaksanakan. Pada masa ini belum terdapat kesepakatan mengenainya di kalangan negara-negara ASEAN. Ini adalah kerana pengwujudan mata wang tunggal bukan perkara yang mudah dan perlu dikaji secara terperinci sebelum dapat dilaksanakan. Ianya melibatkan integrasi politik dan ekonomi yang mendalam bagi menentukan kejayaannya.

Walau bagaimanapun, dalam usaha menangani kegawatan ekonomi, negara-negara ASEAN telah bersetuju melaksanakan mekanisme peraturan pembayaran dua hala ataupun dengan izin, Bilateral Payment Arrangement (BPA) untuk meningkatkan penggunaan mata wang masing-masing di dalam urusan perniagaan Intra-ASEAN. Langkah ini diharap akan dapat menstabilkan mata wang serantau dan membantu pemulihan ekonomi negara-negara ASEAN.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sehingga kini berapa banyak negarakah yang telah bersetuju menggunakan mata

wang sendiri dalam urusan niaga perdagangan ini sama ada negara-negara di rantau ASEAN ataupun negara-negara lain di dunia.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini negara kita dan negara Filipina telah pun membuat perjanjian untuk mengadakan pertukaran menggunakan mata wang masing-masing untuk transaksi perdagangan telah pun kita buat dengan Filipina dan juga dengan pihak Thailand kita masih di dalam proses perundingan supaya satu peraturan seperti kita buat dengan Filipina itu boleh diwujudkan dan dengan negara Indonesia belum lagi, sebab kedua-dua negara kita fikir tidak sampai masa untuk berbuat demikian. Jadi, insya-Allah, pada hujung tahun ini kita dengan Filipina, kita dengan Thailand akan dapat mengadakan instrument yang sebegini.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini lawatan seorang menteri dari negeri China telah mengisytiharkan bahawa negeri China akan menggunakan mata wang sendiri. Apa pandangan bagi pihak kementerian atau negara kita kerana kita nampak bahawa negara China sebuah negara yang besar termasuk dalam Asia juga.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ini menjadi satu kenyataan maka ianya akan menjadi satu faktor yang cukup positif di dalam pembangunan negara kerana sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa China sekarang sedang muncul sebagai satu ekonomi yang besar di dunia lantaran daripada keterbukaan sistem ekonomi China daripada sistem sosialisme kepada sistem pasaran terbuka, sekurang-kurangnya di kawasan pesisir di Benua China.

Apabila ini berlaku maka jikalau ia menggunakan Renminbi ataupun Yuennya dengan ringgit kita, maka ini adalah, dengan izin, satu boost ataupun menjadi satu boom kepada pembangunan ekonomi kerana kita sedia maklum bahawa rakyat atau masyarakat China pada masa ini sedang meningkat di dalam

kumpulan middle class, jadi kalau 500 juta rakyat China jadi middle class, itupun kalau dia beli sabun kita melalui pertukaran ini, seorang satu sabun seminggu, maka kita akan dapat satu pasaran yang besar, bukan negara kita sahaja malah semua negara di dunia sedang melihat kepada China sebagai satu potensi pasaran yang besar.

Insya-Allah, kalau itu menjadi realiti kita tidak perlu bergantung terlalu banyak kepada Amerika dan Jepun.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' ada menyebutkan bahawa setakat ini sudah ada penggunaan di antara Philippines dengan Malaysia, apakah pendapat atau pandangan kementerian terhadap keberkesannya dan di atas penggunaan dan potensi seterusnya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Satu dari manfaat yang ketara ialah kita tidak perlu menggunakan mata wang yang selalu digunakan di dalam transaksi perdagangan antarabangsa selama ini, misalannya di seluruh dunia ataupun di negara ASEAN pada masa ini kita 70% daripada transaksinya menggunakan Dollar Amerika Syarikat, jadi dalam masa sekarang yang mana Dollar Amerika Syarikat cukup mahal kepada kita dan juga kepada Filipina malah kepada semua negara ASEAN dan Asian sekalipun maka apabila kita menggunakan wang kita, kita tidak terdedah kepada pergantungan kepada Dollar, dalam keadaan wang kita murah kalau terdedah maka keadaan akan menjadi merosot lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, apabila kita menggunakan arrangement ini, dengan izin, maka mata wang dan juga pembalikan kepada investment kita akan menjadi lebih tinggi dan justeru itu nilai-nilai barangan kita akan lebih tinggi dan ianya akan memberi kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat kepada negara-negara yang berbuat begitu.

KEGANASAN RUMAH TANGGA - JUMLAH KES DAN PERLINDUNGAN UNTUK MANGSA

2. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan sehingga pertengahan tahun ini; dan
- (b) berapakah rumah perlindungan yang didirikan untuk memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga khususnya wanita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam, mulai dari tarikh Akta Keganasan Rumah Tangga dikuatkuasakan iaitu pada 1 Jun 1996 hingga 15 Julai 1998 bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada kementerian adalah sebanyak 1,140 kes.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menampung keperluan menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga khususnya wanita, kementerian telah menyediakan 25 tempat perlindungan di seluruh negara. Di samping itu, terdapat empat buah pusat perlindungan juga telah diwujudkan oleh badan-badan bukan kerajaan.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya pun berkenaan keganasan juga. Selain dari keganasan rumah tangga, berlaku juga kejadian perbuatan yang tidak senonoh iaitu hubungan seks secara bebas berlaku di bandar-bandar di negara ini, apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini jauh daripada soalan asal, tidak kena-mengena dengan Akta Keganasan Rumah Tangga. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya menyentuh berkenaan dengan mangsa keganasan rumah tangga khususnya wanita, saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kerajaan sedar mengenai pembantu-pembantu rumah daripada Indonesia yang beragama Islam yang bekerja di rumah orang-orang yang bukan Islam. Apakah tindakan kerajaan untuk hendak memberi perlindungan kepada pembantu-pembantu rumah yang beragama Islam ini yang bekerja di rumah orang bukan Islam ini supaya mereka ini sesuai dengan kehendak agama Islam dan tidak menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, jika kementerian menerima apa-apa laporan, kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin tahu mengenai wanita yang diberi perlindungan oleh pihak kementerian disebabkan berlaku keganasan rumah tangga mereka. Apakah program seharian sepanjang mereka berada di dalam rumah perlindungan tersebut?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, perlindungan yang diberi oleh kementerian ialah untuk sementara waktu dan semasa mereka berada di situ pegawai kebajikan akan memberi kaunseling dan jika perlu akan minta suaminya juga datang untuk kaunseling. Terima kasih.

KLIA - MASALAH YANG DIKENAL PASTI

3. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan: -
- (a) sama ada kementerian telah membuat satu analisa/post mortem untuk meninjau kelemahan yang dialami semasa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dibuka baru-baru ini dan apakah keputusannya; dan
 - (b) apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pihak-pihak yang mengakibatkan kelemahan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.

Rustam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Prestasi operasi KLIA pada permulaannya memang kurang memuaskan dalam beberapa hari oleh kerana beberapa masalah yang dihadapi di lapangan terbang berkenaan. Seperti yang dialami oleh lapangan-lapangan terbang baru, KLIA telah menghadapi beberapa masalah utama iaitu masalah penyesuaian kakitangan-kakitangan dengan sistem-sistem operasi yang canggih dan berkomputer, masalah koordinasi yang berkesan di antara satu pihak dengan pihak yang lain, masalah talian komunikasi, masalah kekurangan kakitangan yang terlatih serta masalah kestabilan sistem-sistem yang penting bagi menjamin kelicinan operasi.

Masalah-masalah yang dikenal pasti di atas adalah berasaskan kepada analisa yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan dengan semua pihak yang terlibat dalam operasi dan pengendalian penumpang-penumpang di KLIA. Bagaimanapun, berasaskan kepada kerjasama yang erat sejak permulaan operasi, masalah-masalah berkenaan telah pun dapat dikurangkan dan diatasi dengan memuaskan.

Namun demikian, semua pihak akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi taraf operasi dan perkhidmatan supaya untuk menjayakan lapangan terbang ini sebagai lapangan terbang antarabangsa yang menarik bagi syarikat-syarikat penerbangan serta penumpang-penumpang bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa.

- (b) adalah tidak merupakan dasar dan amalan kerajaan untuk menghukum mana-mana pihak dan mengumumkan tindakan-tindakan

tegas atas mana-mana pihak walaupun punca-punca kelemahan diketahui oleh kerajaan. Apa yang penting adalah tindakan-tindakan segera dan berkesan diambil secara bersama oleh semua pihak bagi memulihkan keadaan operasi, memperbaiki taraf perkhidmatan kepada pengguna-pengguna lapangan terbang. Dalam hal ini kerajaan telah pun mencapai tujuannya dalam masa yang singkat dengan mengatasi atau mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi di KLIA, jika dibandingkan dengan operasi lapangan terbang lain di seluruh dunia kita dapati lapangan terbang kita masih lagi baik di hari pembukaan dan juga beberapa hari selepas pembukaan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bilakah agaknya masalah-masalah yang disebut tadi dapat diatasi termasuklah penyediaan Golden Lodge di KLIA itu sendiri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua masalah yang saya sebutkan tadi telah pun diatasi jika dibandingkan dengan kes-kes lapangan terbang lain misalnya Singapore Airport semasa dibuka kehilangan beg sehingga 10,000 unit pada hari pertama.....[Ketawa]. Kita hanya 1,000 beg sahaja, tetapi pihak Singapura mengambil kesempatan untuk membesar-besarkan perkara ini kerana mereka jealous kita ada lapangan terbang yang lebih hebat daripada Lapangan Terbang Singapura. Begitu juga Lapangan Terbang Chek Lap Kok di Hong Kong yang mana apabila dibuka didapati mereka gagal melaksanakan luggage dengan baik bahkan kargonya terpaksa dipindahkan semula ke lapangan terbang lama. Tetapi kita di KLIA kargo masih boleh dilaksanakan sehingga hari ini dan semuanya berjalan dengan memuaskan.

Di Amerika Syarikat kita dapati apabila Lapangan Terbang Denvor dibuka, esoknya telah ditutup selama satu tahun. Selepas itu pada tahun yang kedua barulah dibuka semula. Ertinya kita punya standard lebih baik dari Singapura, Hong Kong dan juga dari Amerika Syarikat sendiri. Perkara inilah yang

menyebabkan ramai orang jealous kepada Malaysia...[Ketawa]. Cuma Golden Lodge sahaja yang belum siap...[Ketawa] ... tapi yang suka perkara ini cuma orang korporat sahaja. [Ketawa] ...yang banyak modal suka Golden Lodge tetapi saya juga complain hari itu mengapa tidak siap lagi Golden Lodge kerana ramai orang tanya saya. Kita utamakan perkara-perkara yang lain dahululah terutamanya penumpang-penumpang yang biasa, yang hebat ini kita lewatkan sedikit tidak apa. Walau bagaimanapun dalam tempoh sebulan kita akan siapkan Golden Lodge dan sementara itu MAS beri tiket ganti bagi penumpang-penumpang Kelas Satu ataupun Kelas Business boleh makan di restoran-restoran yang disediakan. Jadi Yang Berhormat tidak perlulah bimbang.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil suka kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah membuat satu lapangan terbang yang amat baik dan dikagumi oleh kita semua di sini dan juga dunia. Saya harap surat khabar akan membuat liputan yang lebih lagi berkenaan dengan lapangan terbang kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dapati

Tuan Yang di-Pertua: Ada tikus pula!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: iaitu soalnya Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dapati ada tikus di lapangan terbang kita. Ia menyorok di bawah longkang dan di sana-sini. Saya takut ia akan masuk ke dalam enjin. Dengar bunyinya 600 ekor dan 300 ekor telah pun dibunuh. Memang saya tahu tempat ini adalah tapak kelapa sawit dan memang banyak tikus. Jadi kita hendak hapuskan gambaran yang ada tikus ini dan adakah kerajaan sanggup

memberitahu kepada kita semua bahawa tidak ada seekor tikus pun di situ sekarang. Tidak ada masalah remeh-temeh seperti tikus dan kita tidak mahu perkara ini keluar dalam surat khabar. Saya dengar keluar di media Australia dan kita tidak mahu perkara seperti ini digembar-gemburkan. Perkara yang kecil selalu digembar-gemburkan seperti Singapura iaitu perkara yang kecil dijadikan perkara yang besar. Jadi ini saya harap kerajaan dapat memberi penjelasan kepada kita. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin kerana tikus pun beliau dapat lihat...*[Ketawa]*. Sebenarnya memang ada tikus kerana lapangan terbang kita ini dibina atas kawasan kelapa sawit. Kita di Malaysia surat khabar begitu bebas, ada tikus pun boleh dilaporkan tetapi kalau di Singapura tidak ada can hendak laporan mengenai tikus. Itulah hebatnya kita dan dahulu kita ada complaint juga perkara-perkara yang banyak seperti ini dimasukkan ke dalam surat khabar kita. Perkara-perkara yang baik itu kecil sedikit tetapi perkara ini telah pun diambil perhatian oleh akhbar kita. Bagaimanapun saya suka memberi maklum bahawa ada 600 ekor tikus telah dibunuh dan setakat ini rekod penangkap tikus “semua tikus telah tertangkap dan terbunuh”...*[Ketawa]*.... jadi kita telah pun memberhentikan operasi menangkap tikus ini. Yang pergi complaint dahulu ialah Ketua Pembangkang dia dengar cerita sahaja. Saya ajak dia tengok tikus tetapi dia pun tidak mahu pergi. Saya percaya tikus selepas ini kurang dan kalau ada pun datang dari jauh kita akan tangkap lagi. Ini bukanlah satu perkara yang serius. Oleh kerana lapangan terbang lain pun banyak juga tikus cuma akhbar mereka tidak

melaporkan dan akhbar daripada luar mendapat berita daripada akhbar kita. Kalau tidak daripada mana ia tahu kita ada tikus. Kalau begitu apabila kita tulis jadi mereka mengambil kesempatan.

Berhubung dengan kehebatan lapangan terbang kita - memang betul. Saya telah banyak round lapangan terbang dalam dunia. Saya fikir lapangan terbang yang terbesar, tercantik yang pernah saya lihat dalam dunia ialah KLIA [*Tepuk*]. Saya telah pergi ke New York, L.A., San Francisco, Chicago dan banyak lagi. Semasa tiba saya terperanjat juga kerana besar, tetapi apabila KLIA siap saya tengok lapangan terbang kita lebih besar daripada mereka. Jadi itulah yang kita banggakan dan kalau diikutkan saiz lapangan terbang kita besarnya 25,000 ekar. Ini merupakan lapangan terbang yang terbesar dalam dunia dan harganya cuma RM9 bilion atau US\$2 bilion. Tetapi Hong Kong ia bina lapangan terbang US\$20 bilion atau hampir RM90 bilion. Jadi kalau kita kira dengan kiraan lapangan terbang pun kita boleh bina 9 kali. Ini pun orang berkata lapangan terbang kita mahal tetapi sebenarnya ia cukup murah. Kalau kita tidak bina pada masa lepas saya fikir kalau tengok umur saya pun telah meningkat 50 tahun. Mungkin sampai mati pun saya tidak dapat tengok dalam Malaysia ada satu lapangan terbang yang begitu besar.

Jadi pilihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita begitu tepat kerana berani membina ketika ekonomi kita baik. Inilah yang membuatkan orang luar terlalu jealous kepada kita dan mereka cuba memburuk-burukkan lapangan terbang kita tetapi saya berada di lapangan terbang tersebut pada hari pertama. Saya juga jumpa dengan orang putih pada hari kedua di tempat naik bas di Jalan Duta. Saya surprised pukul 10.00 pagi dia sudah ada di bas stesen, Jalan Duta yang

hendak pergi ke KLIA. Saya tanya dia bila dia tiba? Dia kata “pagi tadi pukul 6.00 pagi”. Saya kata “6.00 pagi sampai dan pukul 8.00 pagi telah tiba di sini” Saya tanya dia adakah masalah? Dia menjawab ‘No Problem’. Itu pada hari yang kedua, saya tanya how do you find our airport? Dia kata ‘Fantastic, fantastic, fantastic’ tiga kali dia sebut...*[Ketawa]*.... itu orang Perancis dan saya dengar sendiri apa yang dia kata. Apabila saya pergi semula ke lapangan terbang saya tengok hari kedua sudah lebih baik daripada hari yang pertama dan hari ketiga nampaknya lebih baik.

Jadi seperti orang kahwin jugalah, Tuan Yang di-Pertua, hari pertama hari kedua ada susah, hari ketiga saya tengok airport kita sudah bagus berjalan lancar. Terima kasih. *[Ketawa]*.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya cerita hal kelapa sawit dan sekarang saya hendak bercerita mengenai lapangan terbang. Kita ini ada slogan ‘lapangan terbang dalam belukar dan belukar dalam lapangan terbang’. Walau bagaimanapun saya ada dengar cerita dan baca bahawa kedai-kedai di KLIA ini kononnya tidak ada identiti ataupun berjatidiri Malaysia. Jika benar apakah tindakan kementerian di atas perkara ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencuba sedaya upaya apabila kita membina airport ini adalah merupakan identiti Malaysia, sebab itu kalau dilihat daripada luar bumbungnya stail Malaysia dan oleh kerana Malaysia ini dipenuhi dengan hutan-hutan, lebih 80% sebab itu kita bina lapangan terbang dalam belukar, belukar dalam lapangan terbang. Kedai pun kita cuba juga, namun demikian ada dua, tiga kedai yang nampak tidak macam di Malaysia tetapi itu kerana kecanggihan design juga untuk beri peluang belbagai rupa tapi jika Yang Berhormat ingat ada betul-betul tak sedap sangat mata

memandang, bolehlah beritahu saya, lepas itu saya akan bawa balik design tengok betulkah tidak ada langsung ciri Malaysia, yang ini kita boleh baiki. Tetapi setakat ini nampaknya komen-komen semuanya memuaskanlah. Ada satu dua yang ditegur, kita akan timbangkan dari masa ke semasa.

TULISAN JAWI – PENGUASAAN PELAJAR DAN RANCANGAN KEMENTERIAN

4. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa peratus pelajar-pelajar di negara ini yang boleh menulis dan membaca tulisan jawi; dan
- (b) apakah rancangan yang sedang dilakukan supaya tulisan jawi terus dikekalkan dalam sistem pendidikan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini belum ada kajian yang menyeluruh mengenai peratus pelajar yang boleh menulis dan membaca tulisan jawi. Namun demikian, berdasarkan maklum balas yang diterima Kementerian Pendidikan mendapati terdapat peningkatan terhadap penguasaan membaca tulisan jawi di kalangan pelajar.
- (b) bagi memastikan kemahiran jawi akan terus dikuasai oleh pelajar, Kementerian Pendidikan terus mewajibkan pelajaran jawi diikuti oleh semua murid-murid Islam dari Tahun 1 hingga Tahun 6 sekolah rendah dengan menggunakan sukatan pelajaran yang khusus.

Pelajaran jawi juga akan terus diperkukuhkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Buku-buku teks pendidikan Islam di Tahun 1 hingga Tahun 6 sekolah rendah dan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 sekolah menengah ditulis dalam tulisan jawi.

Amalan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam digalakkan menggunakan tulisan jawi selain itu aktiviti-aktiviti

belajar dan latihan untuk ditingkatkan kemahiran guru akan diberi perhatian yang lebih.

Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain: Tuan Yang di-Pertua, apakah rasional tulisan jawi hanya diajar kepada pelajar Melayu dan Islam sahaja. Padahal tulisan jawi bukan tulisan dikaitan dengan agama, tulisan jawi adalah tulisan untuk bahasa Melayu, jadi oleh kerana Bahasa Melayu adalah bahasa nasional kita, seluruh masyarakat sepatutnya boleh menggunakan kedua-dua skrip ataupun kedua-dua tulisan bagi Bahasa Melayu. Mengapakah tidak tulisan jawi juga diajar kepada semua pelajar tidak kira kaum ataupun agama?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan mengambil pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah dan kita akan memberi perhatian.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan tulisan jawi. Pada hari ini akhbar dalam tulisan jawi adalah *Utusan Melayu*, dulu saya ada membeli *Utusan Melayu* di mana-mana stall pun boleh dibeli tetapi masa ini susah hendak beli *Utusan Melayu*, nampaknya sekarang orang yang membaca *Utusan Melayu* ataupun membaca surat khabar jawi itu semakin lama semakin kurang. Oleh hal yang demikian saya cadangkan kepada Kementerian Pendidikan bahawa bolehkah kita mengajar tulisan jawi di dalam sekolah menengah kepada semua bangsa. Belajar satu tahun cukup kita dapat menguasai tulisan jawi, oleh itu saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar mengadakan mengajar tulisan jawi di sekolah menengah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian tentang cadangan Ahli Yang Berhormat.

PERKHIDMATAN HOSPITAL DAN KLINIK KERAJAAN – JUMLAH PESAKIT

5. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) berapa peratus peningkatan bilangan pesakit yang dirawat di hospital/klinik kerajaan pada tahun ini dan berapakah peratus peruntukan untuk hospital kerajaan telah dikurangkan tahun ini; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan mutu perkhidmatan kesihatan tidak dijejaskan oleh krisis kegawatan ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan;

- (a) Bilangan pesakit yang dirawat di hospital/klinik kerajaan di seluruh negara bagi tahun 1996 ialah pesakit dalam berjumlah 1,517,744 dan pesakit luar berjumlah 25,275,966. Bagi tahun 1997 jumlah pesakit dalam ialah 1,391,391 dan pesakit luar berjumlah 25,859,847. Jumlah kedatangan pesakit luar daripada bulan Januari hingga Mac 1997 ialah 3,263,927 dan jumlah kedatangan pesakit luar untuk tempoh yang sama pada tahun 1998 ialah 3,579,782 iaitu peningkatan sebanyak 9.7%.

Manakala jumlah pesakit dalam bagi tempoh yang sama dalam tahun 1997 ialah 367,761 dan tahun 1998 ialah 374,290 iaitu peningkatan sebanyak 1.78%. Peratus peruntukan untuk hospital/klinik kerajaan yang dikurangkan tahun ini ialah sebanyak 12%.

- (b) Bagi memastikan mutu perkhidmatan kesihatan tidak dijejaskan oleh krisis kegawatan ekonomi negara, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah berikut:
- (i) memastikan peruntukan untuk bekalan ubat-ubatan dan barang consumerables untuk pesakit adalah mencukupi;
 - (ii) menasihatkan semua hospital tempatan mengurangkan kegunaan utilities, perbelanjaan-perbelanjaan dan elaun lebih masa;
 - (iii) menasihatkan pihak hospital menggunakan ubat-ubatan generik di mana sesuai dan barangan keluaran tempatan bagi mengurangkan perbelanjaan;

- (iv) memberi keutamaan kepada perkhidmatan berkaitan dengan penjagaan pesakit;
- (v) menangguhkan perkhidmatan-perkhidmatan baru bagi memastikan peruntukan sedia ada dapat menampung keperluan masa kini; dan
- (vi) mengurangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak secara langsung berkaitan dengan penjagaan pesakit sebagai contoh mengurangkan pencetakan risalah-risalah pendidikan kesihatan, penglibatan dengan aktiviti kesihatan dan antarabangsa.

Puan Mastika Junidah binti Husin: Saya tadi mendengar Yang Berhormat memaklumkan bahawa peruntukan untuk Kementerian Kesihatan telahpun dipotong sebanyak 12%, dalam masa yang sama kita tahu bahawa bekalan ubat sebahagian besarnya kita import daripada luar dan sekarang ini oleh kerana currentcy negara kita telah pun jatuh berbanding dengan Dollar Amerika, sudah tentu harga ubat-ubatan ini telah pun meningkat dan memerlukan peruntukan yang lebih. Saya ingin bertanya pihak kementerian, dalam menghadapi keadaan ini di mana peruntukan dikurangkan dan kita terpaksa membayar harga yang lebih untuk ubatan-ubatan dan bagaimanakah kementerian mengatasi masalah ini berbanding juga dengan peningkatan jumlah pesakit-pesakit ini bertambah ramai pergi ke klinik/hospital kerajaan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi ubat-ubatan yang diberikan dengan pesakit-pesakit sekarang kita beri ubat generik, kalau ubat-ubat yang dari tempatan dan import lebih murah dari ubat-ubat yang berjenama ataupun ubat patent. Kita tidak ada masalah, kita beri dan setakat ini peruntukan yang diberi dengan ubat-ubatan kita utamakan. Oleh itu kita tidak ada apa-apa pengurangan dengan ubat-ubat dan pembeli.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Kita dengar pihak Kementerian Kesihatan telah memberi gambaran bahawa pesakit meningkat terlalu tinggi jadi saya ingin tahu berapa ramaikah purata khidmat bagi seorang doktor bagi menghadapi peningkatan ramainya pesakit dan memberi khidmat yang lebih berkesan dan baik?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini kira dengan hospital, kita tidak tetapkan berapa orang boleh rawat dengan seorang doktor. Tapi satu hospital memang ada dua doktor, tiga doktor memang dia tengok lebih. Kalau ada

lebih, tengok cara macam mana mereka ditempatkan. Oleh itulah khidmat mereka berikan tidak mengira berapa peratus orang yang dijaga oleh satu doktor.

USAHA DAKWAH DI KALANGAN UMAT ISLAM – TINDAKAN BERSEPADU DAN BERTERUSAN

6. Tuan Abu Bakar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha meningkatkan dakwah di kalangan umat Islam dan bukan Islam secara lebih bersepadu, berkesan dan berterusan.

Setiusaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa berusaha meningkatkan program dakwah di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam

Program dakwah melalui media elektronik, media cetak dan program ceramah bersemuka adalah merupakan usaha-usaha kerajaan di samping program penerapan nilai-nilai Islam yang telah dan sedang dilaksanakan di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta. Pemimpin-pemimpin pelajar yang akan diteruskan dari masa ke semasa.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah peranan bekas ahli Al-Arqam yang kita tahu memang banyak membuat kerja-kerja dakwah dan bagaimanakah peranan kerajaan menggalakkan mereka ini menjalankan kerja-kerja dakwah sebagai non-government, pegawai yang bukan bertaraf kerajaan, dan apakah pendirian kerajaan terhadap kumpulan tabligh yang kita nampak memang banyak diusahakan oleh kumpulan-kumpulan di seluruh negara kita. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Arqam, kita masih banyak program membetulkan pengikut-pengikut mereka. Kita tidak mengambil mereka untuk mendakwah orang lain kerana kita masih memerlukan mereka itu diperbetulkan dari semasa ke semasa. Kita mempunyai ramai pendakwah lain yang boleh memainkan peranan bagi mendakwahkan mengenai Islam itu sendiri.

Yang kedua, tabligh, memang ada yang terikut-ikut. Sebenarnya tabligh wujud di negara kita ini bukanlah dibawa oleh orang-orang kita di sini tetapi daripada luar negara. Tabligh ini dibuat kepada mereka yang senang dan kaya di negara mereka. Mereka datang ke mari, tetapi kita bukan orang senang.

Kadangkala kita mengikut mereka membawa demikian rupa sedangkan perkara ini kalau mengikut dari segi Islamnya sendiri, tidak begitu baik kerana kadangkala mereka terpaksa meninggalkan rumah tangga mereka. Kadangkala mereka kata kalau isteri mengandung untuk melahirkan anak bukan tanggungjawab mereka untuk bersama. Ini terpulanglah kepada jiran dekat rumah menjaga isteri mereka. Ini tidak betul, sebab itulah kita mengharapkan supaya orang Islam di sini jangan terikut-ikut dengan apa yang dibawa tabligh itu sehingga sanggup meninggalkan tanggungjawab kita kepada anak isteri dan rumah tangga kita sendiri.

Selain dari itu saya hendak jelaskan juga, pendakwah ini sepatutnya mesti menggunakan cara yang bijaksana kalau kita sekiranya hendak mendakwah orang-orang yang tertentu. Sebab itulah kita mesti menggunakan dakwah secara ‘taqribun’, secara memberansangkan mereka, bukan cara ‘tarhibun’ iaitu menakut-nakutkan mereka. Tetapi apa yang kita dapati sekarang, ada pula pendakwah-pendakwah yang sebaliknya suka menakut-nakut orang. Jadi ini tidak tepat, apatah lagi kalau sekiranya mendakwah itu dengan cara kekerasan dan kadangkala melakukan perkara-perkara yang tidak betul dan kadangkala menakut-nakutkan orang. Ini tidak tepat dari segi apakah yang dikatakan pendakwah itu sendiri.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan seperti mana dimaklumkan tadi, beraneka cara dakwah telah dijalankan oleh pihak kerajaan. Tetapi kita juga dimaklumkan berbagai aneka ajaran sesat semakin bertambah. Pada hemat ataupun pandangan kerajaan, siapakah yang patut dipersalahkan dan apakah langkah-langkah seterusnya akan diambil terhadap isu yang berkenaan.

Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini dua perkara:

- (i) ajaran sesat;
- (ii) mendakwah.

Kita terpaksa menjalankan cara-cara tertentu. Dakwah ini kita ada program tertentu untuk menjalankan dakwah sama ada di bawah JAKIM, di bawah Jabatan Agama Islam ataupun di bawah YADIM dan sebagainya. Ini semua dijalankan secara mendakwah untuk memberi kefahaman keseluruhan orang terutama sekali orang Islam itu sendiri mengenai dengan Islam yang sebenarnya. Kerana kita mendakwah ini juga dengan ini kita mengharapkan supaya mereka tidak terlibat dengan ajaran-ajaran yang sesat.

Ajaran yang sesat ini pula ada satu fenomena tertentu, orang yang tertentu mencari kepentingan tertentu, sebab itulah mereka kadangkala membuat ajaran-

ajaran yang sesat. Kita mengharapkan apabila kita mendakwah, dan orang semua tahu Islam yang sebenar supaya tahu mana ajaran yang benar dan ajaran yang sesat, supaya mereka tidak mengikut orang-orang yang mengajar ajaran sesat itu sendiri. Tetapi kedua-dua perkara ini kita meninggikan dakwah supaya orang betul-betul faham mengenai Islam, di samping itu kita mengenakan dengan cara undang-undang, sesiapa yang terlibat dengan ajaran sesat tersebut. Jadi inilah *approach* atau pendekatan kerajaan supaya kita lebih faham mengenai Islam dan menjauhkan daripada perkara-perkara yang tidak baik dan ajaran sesat. Terima kasih.

PEMILIK BAS SEKOLAH - LANGKAH MENGURANGKAN KEMALANGAN

7. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan cadangan yang mewajibkan semua pemilik bas sekolah yang membawa kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah mengambil dan menghantar mereka ke sekolah dalam usaha mengurangkan kes kecekalaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat berbagai cara kanak-kanak atau murid-murid sekolah berulang-alik ke sekolah masing-masing seperti berikut:

- (i) dihantar sendiri oleh ibu bapa atau penjaga dengan kenderaan sendiri;
- (ii) menaiki bas sekolah;
- (iii) menaiki bas berhenti-henti; dan
- (iv) berjalan kaki atau menggunakan kenderaan sendiri seperti motosikal dan basikal.

Bagi kanak-kanak atau murid-murid sekolah yang berulang-alik dengan menggunakan bas sekolah, mereka sememangnya diambil oleh bas sekolah berkenaan dari rumah ke sekolah dan balik. Baru-baru ini perkara yang telah dibangkitkan oleh kementerian ialah berkaitan dengan berlakunya beberapa kes kemalangan bas sekolah yang melibatkan murid-murid sekolah yang mereka bawa khususnya bagi mereka yang berumur 12 tahun ke bawah. Dalam kes-kes kemalangan yang telah kita kenal pasti, berlakunya kemalangan ini adalah kerana pemandu bas tidak memegang ataupun turun daripada bas, pegang tangan murid dan bawa mereka ke seberang jalan ke rumah. Inilah kes yang telah menyebabkan berlaku beberapa kemalangan yang telah membawa maut. Kerana itu kita

mencadangkan supaya pemandu-pemandu bas sekolah bagi murid-murid yang kecil, mereka perlu turun dan pegang tangan murid ini jika perlu melintas, melintas bersama murid hingga ke pintu rumah, dan apabila mereka telah sampai barulah, pemandu bas balik ke basnya untuk meneruskan perjalanan. Itulah yang dimaksudkan berkaitan dengan pemandu bas perlu bawa murid sampai ke rumah. Tetapi ini merupakan permintaan, bukan merupakan undang-undang. Kita belum bercadang lagi untuk menjadikan ianya sebagai satu undang-undang supaya pemandu bas membimbing murid-murid hingga ke pintu rumah. Setakat ini kita hanya meminta kerjasama mereka dan perjumpaan dengan Persatuan Bas Sekolah telah pun diadakan dan mereka telah menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini kita dapati banyak colek, khususnya budak sekolah yang turun daripada bas dengan tidak ada pengawal, kereta di belakang menunggu 2 biji. Belum masuk ke rumah lagi, mereka ini dicolek. Ada satu kes yang saya boleh buktikan. Oleh itu soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan memikirkan bas-bas sekolah, bukan sahaja yang mengangkut murid-murid umur 12 tahun ke bawah tetapi yang atas juga, pihak polis dari masa ke semasa memberi perlindungan secara tidak setiap masa, tetapi kadang-kadang dan dari masa ke semasa untuk cuba mengatasi masalah kes colek ini dan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Dalam Negeri di belakang saya mengakui banyak kes jenayah seperti ini. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Kes jenayah bukan kes colek? Dia mengaku banyak kes jenayah bukan colek.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, ia termasuk kes colek, colek pun jenayah juga. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes colek yang begini memang ada satu dua kes macam Dato' Haji Mohd. Zuki sebut telah berlaku tetapi orang tua pun banyak kena colek, dan kes-kes colek bagi orang tua ataupun orang dewasa lebih ramai daripada kes colek murid sekolah kerana itulah kita memang sentiasa melihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius sebab itu kita minta semua pemandu bas hendaklah menurunkan murid-murid di depan pintu rumah murid-murid berkenaan. Bukan di jalan yang lain dan kemudian murid itu terpaksa menyeberangi jalan untuk pergi ke rumah. Ini boleh

menyebabkan kemalangan dan juga mungkin boleh menyebabkan pencolekan tetapi kes pencolekan memang amat kurang bagi murid-murid sekolah, ini kes jenayah dan polis telah menyatakan mereka sentiasa memberi kerjasama jika ada tempat-tempat yang dikenal pasti mereka akan kerap mengadakan rondaan daripada masa ke semasa.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, pihak Timbalan Menteri sahabat saya itu dia tidak tepat memberi jawab kes satu dua sahaja, yang tepatnya ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri yang patut memberi jawapan. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan satu dua tadi sebab Dato' sebut satu saya tambahkan jadi dua. Saya tidak ada rekod berapa yang sebenarnya, berpandukan soalan tambahan asal. Terima kasih.

POLARISASI KAUM DALAM PROJEK PERUMAHAN - LANGKAH MENGATASI

8. Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh mana kerajaan dapat mengatasi masalah polarisasi kaum dalam projek perumahan akibat ketidakmampuan golongan bumiputera untuk membeli rumah kos sederhana dan tinggi. Adakah kementerianya bercadang mengadakan suatu badan penyiasat untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Rancangan Malaysia Keempat sehingga kini memperlihatkan kesungguhan kerajaan khasnya melalui usaha-usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri memastikan terlaksananya dasar pembahagian rumah mengikut kuota etnik di dalam projek-projek perumahan baru. Bagi projek perumahan yang dibangunkan di atas tanah rizab Melayu kita ditetapkan kuota bumiputera mencapai 100% di sesetengah negeri.

Pemaju perumahan swasta diminta mematuhi arahan kerajaan bagi memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% unit kediaman dalam sesuatu projek perumahan kepada bumiputera. Perundingan boleh dilakukan di antara kerajaan

dengan pemaju bagi melepaskan pegangan harta tersebut untuk dijual kepada bukan bumiputera. Itu pun setelah pegangan harta itu telah matang ataupun tempohnya dilanjutkan. Pada masa ini kerajaan tidak bercadang mengkaji semula dasar pembahagian perumahan mengikut kuota etnik memandangkan hasilnya adalah positif kepada negara.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Telah menjadi kenyataan kepada kita bahawa nilai harga rumah sederhana dan ke atas peratusan harga jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang membangun adalah amat tinggi di negara kita. Ianya telah berlaku lebih daripada 10 tahun. Apakah pandangan kerajaan supaya suasana ini dapat kita menguruskan pemaju-pemaju perumahan termasuk agensi kerajaan untuk kos sederhana dan tinggi ini supaya harga rumah kita sekurang-kurangnya at par ataupun sama dengan harga-harga rumah yang dijual di negara-negara lain. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soal bandingan antara kos hidup sesebuah negara dengan sesebuah negara lain. Ini adalah satu perbandingan yang sukar bagi kita memberi pertimbangan oleh kerana kos hidup sesuatu negara yang tinggi harganya lebih tinggi dari segi rumah dan semua yang lain. Jadi kita tidak boleh bandingkan dengan negara-negara jiran yang mungkin kos hidupnya rendah daripada kita. Oleh kerana gaji mereka juga rendah semua yang didapati oleh rakyat adalah rendah maka rumah-rumah mereka juga rendah.

Jadi dalam soal pemasaran sesuatu barangan termasuk rumah yang penting ialah kemampuan pembeli dan kemampuan penjual itu sendiri supaya keseimbangan keduanya itu barulah menentukan harga kos jualan sesuatu barang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu agihan rumah-rumah ini adalah mengikut peratus yang ditetapkan tanah rizab Melayu 100% dan tanah-tanah lain yang free hold/milik bebas dan sebagainya adalah 30%. Apakah rasional kerajaan dengan memperuntukkan 30% bagi jenis-jenis tanah yang lain sedangkan pembinaan rumah ini banyak melibatkan tanah-

tanah yang free hold, rizab Melayu ini kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar dan adakah ini boleh menjamin dari segi perpaduan kaum di negara ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada dua. Satu dari segi rizab Melayu dan bukan rizab Melayu. Sebenarnya 30% yang ditetapkan bukanlah satu tahap yang maksimum ini adalah satu tahap minimum di mana pemaju-pemaju harus memperuntukkan 30% kepada bumiputera tetapi kalau ada lebih jumlah Melayu yang mampu membelinya maka tidaklah terhad bagi syarikat berkenaan menjual kepada orang Melayu. Cuma di kawasan-kawasan yang tanah rizab Melayu maka oleh kerana dasar dan Perlembagaan menetapkan adalah sukar bagi kerajaan negeri hendak meluluskan kepada bukan Melayu.

Yang keduanya soal sama ada 30% rizab ini memastikan bahawa integrasi kaum itu akan dapat dicapai. Sebenarnya dari segi peratusannya tidak akan semestinya menjamin kestabilan kaum tetapi yang penting ialah kemudahan-kemudahan yang ada dalam rancangan sesebuah perumahan itu iaitu tempat-tempat taman-taman permainan yang boleh kanak-kanak dari umur mentah lagi bermain sesama jiran, bermain sesama kawan-kawan yang seumur tidak kira apa bangsa maka mereka apabila dapat bermain berkenalan maka mereka tidak menganggapkan si polan si polan itu Cina atau Melayu atau India bahkan mereka adalah kawan peribadi daripada kecil.

Dari segi itu peranan planner atau arkitek peranan pihak-pihak berkuasa tempatan dalam menetapkan kawasan-kawasan permainan kawasan-kawasan lapang adalah penting dan peranan pemaju juga adalah penting supaya tidak keterlaluan mementingkan keuntungan hanya untuk membina perumahan yang banyak untuk keuntungan. Dan juga perancangan dari segi yang disebutkan oleh sahabat saya dari Kementerian Pengangkutan tadi kita tidak mahu rumah-rumah itu berdepan dengan jalan besar.

Anak-anak yang berjiran pun ibunya tidak akan membenarkan anak keluar daripada gate walaupun duduk dalam satu deret rumah yang sama. Dan kalau keluar berdepan dengan jalan raya jalan besar motokar yang lalu akan jadi merbahaya kepada anak-anak maka sekali gus akan sukar mewujudkan satu

integrasi untuk membolehkan anak-anak berkenalan satu dengan yang lain. Terima kasih.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri tadi mengatakan , kuota bumiputera 30%, bukan bumiputera 70%, kalau 30% orang bumiputera pun boleh beli. Sini 30% sana 70% untuk bumiputera sahajakah? Kaum Cina dan India 70%, ini tidak adillah. *[Ketawa]*

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi kuota 30% adalah kuota minimum bukan kuota maksimum. Jadi kalau tidak ada sangat bumiputera ditetapkan paling kurang mesti cari 30% dan kalau tidak dapat juga barulah pemaju itu dapat berunding dengan kerajaan negeri untuk membolehkan mereka menjual kepada orang bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

TAMANLAUT - PEMBIAKAN IKAN

9. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah dengan mewujudkan taman laut dapat menambah hasil tangkapan nelayan dan adakah juga hanya menghasilkan pembiakan ikan yang sewajarnya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian para saintis dunia mendapati antara 40% hingga 50% ikan komersial yang ditangkap di perairan pantai pernah menghuni dan menghabiskan sebahagian daripada kitaran hidupnya di kawasan terumbu karang. Oleh itu Kementerian Pertanian yakin pengwujudan taman laut akan dapat melindungi dan memelihara eco-system serta mengawal sumber perikanan daripada diterokai secara tidak mapan.

Mengikut statistik Jabatan Perikanan arah aliran pendaratan ikan laut di Malaysia sepanjang tahun 1992 hingga 1996 telah menunjukkan peningkatan di antara 1.6% hingga 6.2%. Peningkatan kepada pendaratan ikan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti peningkatan penggunaan alat penangkapan ikan yang moden, kepadatan sumber makanan ikan yang ada, cuaca, keadaan biologi setiap spesis ikan, kadar pencemaran yang berlaku dengan adanya Taman Laut. Selain

daripada itu pendaratan ikan bilis di Negeri Kedah juga telah meningkat sejak adanya taman laut Pulau Payau iaitu daripada 9,040 tan metrik pada tahun 1991 kepada 11,781 tan metrik pada tahun 1995. Manakala pendaratan ikan bilis di Perak yang tidak ada taman laut telah merosot daripada 5,739 tan metrik kepada 1,501 tan metrik dalam tempoh yang sama. Kajian keberkesanan kawasan taman laut sebagai tempat pembiakan ikan merupakan satu program yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan : Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam mengekalkan eko-sistem marin dalam usaha kita membangunkan penghasilan ikan, apakah peranan setakat ini yang dijalankan oleh kerajaan atau berkenaan dengan tukun tiruan, kerana tukun tiruan ini kita tahu bahawa akan membantu menghasilkan pembiakan ikan dengan lebih baik dan bagaimanakah kemajuan perusahaan kerajaan atau swasta dalam menguruskan meletakkan tukun tiruan secara besar-besaran di perairan laut kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, selain daripada taman laut yang saya sebutkan tadi boleh membiakkan sumber ikan; kedua, dengan adanya tukun-tukun tiruan dan juga unjang-unjang yang dibuat daripada konkrit, perahu, tayar dan lain-lain lagi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa semua pembuangan tukun-tukun tersebut diberikan kepada persatuan nelayan negeri-negeri dan dengan ini bermakna persatuan nelayan bersama ahli-ahlinya dapat mengetahui lebih tepat di mana tempat lebih sesuai dan bagaimana cara mereka hendak membuangnya ke laut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, menyentuh dengan mewujudkan taman laut dengan tujuan untuk menambah hasil tangkapan, saya ingin mendapat penjelasan pihak kerajaan sama ada bekalan ikan yang kita perolehi di Malaysia sekarang ini mencukupi untuk keperluan di Malaysia, dan adakah benar tangkapan ikan di perairan Malaysia ini di eksport ke negeri tertentu, selepas itu negeri itu pula eksport balik untuk kegunaan negara kita. Kalau benar, apa tindakan pihak kerajaan?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa memang benar tangkapan ikan yang diperolehi di Malaysia ini 1.2 juta tan sahaja, dan kita perlu mengimport sebanyak 400,000 tan, berjumlah lebih kurang RM800 juta pada tahun lalu. Ini disebabkan ikan yang ditangkap dalam negeri kita sebahagiannya lebih kurang 200,000 tan telah dieksport ke Singapura dan juga ke negeri sekitar yang lain. Disebabkan kualiti ikan kita lebih baik, jadi dieksport dan kita terpaksa import ikan dari luar untuk menampung permintaan mereka yang kurang berkemampuan, sama dengan petrol. Petrol kita bermutu baik, kita eksport ke negeri lain dan sebagai ganti kita import balik petrol daripada Timur Tengah untuk kita gunakan. Jadi ini saya rasa selalu digunakan untuk mendapat keuntungan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua : Puan Hajah Rahaiah.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Soalan saya No. 10, dengan izin, saya ingin pinda perkataan 'protection' itu kepada 'perlindungan'.

GANGGUAN AKHLAK DI TEMPAT KERJA - JUMLAH KES

10. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah kes 'sexual harassment' ataupun 'gangguan akhlak' di tempat kerja dalam masa 3 tahun yang lalu. Apakah pembelaan ataupun 'perlindungan' di dalam undang-undang buruh terhadap mangsa gangguan jenis ini. Apakah majikan dibenarkan bertindak menghukum kes-kes ini jika ianya berlaku dan bersabit kesalahannya dan jika pihak yang menuduh tidak mahu menjadikannya kes polis.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997 jumlah kes gangguan seksual yang telah dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia ialah sebanyak 5 kes sahaja. Manakala ada tahun ini pula pada sehingga bulan Julai, 1998 ialah 6 kes. Kes-kes sedemikian boleh disifatkan sebagai satu salah laku, maka pihak majikan mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan siasatan dalaman mengikut seksyen 14 Akta Kerja 1955. Mana-mana pihak yang didapati bersalah melakukan gangguan seksual setelah siasatan dalaman selesai dijalankan, boleh dikenakan tindakan tegas mengikut peraturan dan prosedur yang diamalkan oleh sesebuah organisasi berkenaan, ini termasuklah mengenakan

hukuman amaran, gantung kerja tanpa gaji, tangguh kenaikan gaji, turun gaji, turun pangkat dan buang kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Gapar.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana kita maklum bahawa ramai daripada rakyat kita yang bekerja di kilang-kilang terdiri daripada yang beragama Islam, tetapi mereka ini telah dinafikan hak mereka untuk menunaikan solat. Ada kilang yang sampai 12 tahun wujud tak ada langsung tempat sembahyang. Pada saya menganggap ini juga satu bentuk harassment iaitu religious harassment. Walaupun telah beberapa kali orang-orang ini diminta supaya mengadakan atau menyediakan tempat mereka solat tetapi dinafikan kepada hak ini. Saya rasa kementerian kena melihat keadaan ini kerana ianya bertambah gawat sekarang.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya semasa pegawai-pegawai Kementerian Sumber Manusia menjalankan pemeriksaan, ini adalah salah satu perkara yang kita berat. Kalau ada laporan-laporan yang sedemikian sudah tentu kita akan mengambil tindakan secepat mungkin.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan maklumkan apakah jenis aturcara yang ditakrifkan sebagai 'sexual harassment' dan bentuk apakah yang sentiasa berlaku sepertimana yang dimaklumkan ada 5 kes yang sudah berlaku tadi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu satu perkara yang sukar kita hendak takrifkan apa dia gangguan sexual, kalau kita orang lelaki ini tak boleh tegur langsung orang perempuan, maka life mereka pun tak begitu seronoklah, [*Ketawa*] misalnya kalau dia pakai bedak elok, biasanya lelaki hendak katalah comel, tetapi ada wanita yang kata tak boleh, ini pun dia report sebagai gangguan sexual. Jadi memang itu sukar untuk kita takrifkan. Jadi itulah sebabnya kita nampak masalahnya, bukanlah masalah besar sangat, tetapi kalau keterlaluan maka bolehlah buat aduan, maka kita akan siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soalan Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan Pertanyaan No. 11 hingga 66 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA NASIONAL BERHAD 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”

[4 Ogos 1998]

Tuan Yang di Pertua: Majlis dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 70 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, itulah saya minta dahulu dalam Jawatankuasa ini jangan kita ambil Fasal 1 sampai 70. Jadi bila Fasal 1 sampai 70 itu terlalu banyak sekali, jadi kita hendak pergi ke bawah sudah susah. Yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya minta maaf, saya tidak ada apa hendak tanya, hanya hendak bangkitkan itu sahaja sebab tadi ada, tetapi sekarang sudah tidak ada dah! *[Ketawa]*

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato’ Chan Kong Choy]:

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di Pertua, di dalam usaha kerajaan untuk mencapai wawasan negara, sektor-sektor komunikasi dan multimedia telah dikenal pasti sebagai antara pemangkin yang akan menjayakan matlamat menjadikan Malaysia negara maju di abad ke 21. Usaha-usaha tersusun dan terancang telah kita ambil untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan sektor-sektor tersebut. Ini khususnya,

melalui pembangunan projek Koridor Raya Multimedia sebagai test bed, dengan izin, yang akan melonjakkan kemaraan negara ke dalam era digital. Di samping itu beberapa instrument line perlu diwujudkan bagi membolehkan sektor-sektor tersebut berkembang. Ini termasuklah membentuk perundangan perlu dan terkini dengan memperkenalkan beberapa akta cyber yang akan dapat menyokong pertumbuhan dan perkembangan seterusnya sektor-sektor tersebut.

Rang Undang-Undang Komunikasi dan Multimedia 1998 yang dibentangkan ini adalah merupakan satu-satunya rang undang-undang seumpamanya yang terdapat di dunia ini. Ini menjadikan Malaysia sebagai negara pertama yang mempelopori penggubalannya. Sebagai sebuah rang undang-undang tunggal atau a single legislation, dengan izin, yang akan mengintegrasikan semua aktiviti di bawah akta cyber lain yang telah diwujudkan. Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam serta merujuk kepada pakar-pakar yang mahir dari dalam dan luar negeri bagi memastikan ianya satu instrument perundangan yang berkesan dan akan mempunyai impact yang positif dan meluas untuk menyokong pembangunan projek Koridor Raya Multimedia khususnya. Serta bagi menjayakan matlamat-matlamat mewujudkan masyarakat bermaklumat serta menjadikan Malaysia pusat komunikasi serantau.

Tuan Yang di Pertua, melalui penggubalan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini Malaysia telah berjaya melaksanakan satu struktur dasar berbentuk 'generate', dengan izin, yang amat perlu bagi menangani proses percantuman atau convergence yang sudah pun mula berlaku di dalam sektor-sektor telekomunikasi, komputer, penyiaran di seluruh dunia. Proses percantuman inilah yang menjadi asas kepada penggubalan rang undang-undang ini yang dinamakan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia sebagai menggambarkan industri dan aktiviti baru yang wujud dan tidak dapat dielakkan, hasil daripada percantuman teknologi di dalam sektor-sektor tersebut. Kita perlu akur bahawa proses percantuman ini adalah merupakan satu fenomena yang global. Oleh itu adalah penting kita membuat persediaan yang sewajarnya untuk memastikan kita tidak menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan sektor-sektor komunikasi dan multimedia sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara. Kita perlu mengambil langkah-langkah yang pantas dan aggressive untuk membolehkan negara menerajui, dan mendapat manfaat dan keuntungan sepenuhnya daripada perkembangan pasaran baru komunikasi dan multimedia ini.

Di dalam usaha kita untuk menggalakkan perkembangan tersebut kerajaan berpendapat adalah penting disusun semula struktur dan instrument dasar, perundangan dan kawal selia serta juga struktur industri dan institusi yang sedia ada dan berkaitan langkah-langkah yang tersusun dan terancang bagi membangunkan pasaran komunikasi dan multimedia ini akan memastikan Malaysia akan dapat mencapai taraf persaingan yang lebih competitive daripada pembangunan pasaran baru ini. Di dalam hal ini, kerajaan berpendapat adalah penting satu tindakan yang proactive di ambil bagi menyokong dan menggalakkan perkembangan ini. Jurang yang wujud di antara dasar-dasar yang sedia ada dan tidak lagi bersesuaian perlu dihapuskan bagi memenuhi keperluan sektor baru ini. Melalui penggubalan rang undang-undang ini kerajaan memastikan bahawa satu rangka kerja dasar dan kawal selia yang menyeluruh dan bersepadu dapat diwujudkan yang akan melancarkan pembangunan dan pertumbuhan sektor komunikasi dan multimedia sebagai asas kepada pembangunan ekonomi dan sosial

negara. Dan kepada usaha kita untuk mewujudkan masyarakat madani serta menjadikan Malaysia pusat utama bagi industri dan multimedia di rantau ini.

Tuan Yang di Pertua, rangka kerja dasar baru yang dibentuk di bawah rang undang-undang ini juga akan memastikan wujud ketelusan dan konsistensi di dalam usaha meningkatkan kefahaman pihak-pihak berkepentingan mengenai proses percantuman teknologi serta pembangunan sektor tersebut. Ia juga menjamin kepentingan-kepentingan tertentu seperti kepentingan pengguna dari segi kualiti, kos perkhidmatan, keselamatan sistem dan rangkaian. Serta juga bagi mewujudkan persaingan yang sihat, pengurusan sumber yang berkesan dan pasaran yang lebih teratur. Bagi menyokong matlamat rangka kerja dasar yang diwujudkan, kerajaan memastikan rangka kerja kawal selia baru, yang dibentuk adalah bersesuaian dengan kehendak-kehendak struktur pasaran percantuman. Rangka kerja kawal selia ini dibentuk supaya selari dengan kehendak protokol antarabangsa serta berupaya mencapai objektif-objektif semasa dan selaras dengan perkembangan teknologi masa ini.

Di dalam menggubal sistem kawal selia ini, keutamaan terus diberikan kepada kepentingan soal-soal obligasi perkhidmatan sejagat atau universal service obligation, dengan izin. Kerajaan akan terus memastikan semua peringkat masyarakat dan kawasan akan menerima perkhidmatan dan kemudahan berkualiti yang diperlukan dan pada harga yang munasabah. Untuk tujuan tersebut sistem-sistem ganjaran atau inasentif tertentu dikenal pasti bagi menentukan semua pengusaha perkhidmatan memenuhi tanggungjawab mereka. Selain daripada itu, kerajaan juga akan terus memberi penekanan kepada aspek-aspek kecekapan pengurusan sumber ekonomi serta perkara-perkara teknikal infrastruktur.

Secara khusus untuk memastikan kecekapan industri, penekanan akan terus diberikan kepada usaha-usaha meningkatkan persaingan yang sihat, penggunaan infrastruktur secara berkesan dan penggalakan aktiviti-aktiviti bersilang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedar tentang pentingnya dipertingkatkan hubungan dan ketelusan dalam penggunaan infrastruktur. Ini akan mempelbagaikan pilihan rangkaian dan kemudahan yang boleh digunakan oleh pembekal dan pengguna. Untuk tujuan ini, perbekalan-perbekalan tertentu diperuntukkan di dalam rangka kerja kawal selia baru untuk meliputi kemudahan laluan sama rata dan sambungtara atau dengan izin, equal assess and interconnection yang berasaskan kepada kos dan kadar pulangan yang munasabah.

Demi memelihara kepentingan pengguna, peranan dan kuasa pengguna dipertingkatkan melalui rang undang-undang ini dengan memperkenalkan dasar

menetapkan harga adil dan tatacara mengendalikan soal-soal penggunaan yang berkesan. Aspek keselamatan infrastruktur juga diberikan perhatian yang khusus untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sektor telekomunikasi dan penyiaran masing-masing dikawal selia melalui dua akta, iaitu Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1988. Sementara sektor komputer pula adalah bebas dari sebarang kawalan perundangan. Dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang Telekomunikasi dan Multimedia ini, ia akan memansuhkan kedua-dua akta tersebut dan akan berfungsi sebagai landasan perundangan baru. Peruntukan khas telah disediakan di bawah rang undang-undang ini untuk mengendalikan proses peralihan dan perpindahan (transition and migration) dari regime kawal selia sedia ada kepada regime kawal selia baru di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggubal rang undang-undang ini kerajaan telah memastikan bahawa ianya hendaklah berbentuk generate atau umum supaya skopnya meluas dan berpanjangan dari segi pemakaiannya sesuai dengan perubahan teknologi. Hanya dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja perundangan secara khusus telah diwujudkan bagi menangani isu-isu tertentu. contohnya, persaingan, tingkah laku, pengendali dominan dalam pasaran, peraturan kadar dan peruntukan sumber terhad. Ini juga adalah mengambil kira bahawa dalam perkiraan jangka panjang pemakaian rangka kerja kawal selia bagi sektor ini akan berubah ke arah ciri-ciri yang bersifat global dan universal.

Melalui penggubalan rang undang-undang ini kerajaan bertujuan untuk membentuk industri komunikasi dan multimedia yang berdisiplin sendiri atau industry self discipline. Untuk tujuan tersebut beberapa prinsip utama dijadikan asas di dalam penyediaan rang undang-undang ini, seperti mengurangkan peraturan-peraturan yang mengongkong pertumbuhan sektor serta mewujudkan kelenturan atau flexibility di dalam proses membuat keputusan. Penekanan kepada prinsip-prinsip tersebut adalah bertujuan membentuk sektor yang berorientasikan pasaran yang berasaskan persaingan yang sihat. Ini akan mendorong kepada pembentukan dan perkembangan industri komunikasi dan multimedia yang

dinamik dan teratur tanpa dikongkong oleh pelbagai peraturan yang boleh membantut pertumbuhannya.

Dari segi skopnya pula, Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini akan hanya meliputi sektor komunikasi dan multimedia berangkaian atau elektronik. Sungguhpun begitu, ianya tidak akan menjejaskan pemakaian secara umum undang-undang sedia ada berkaitan dengan keselamatan hakcipta, fitnah, dan kandungan atau content yang menyalahi undang-undang. Melalui rang undang-undang ini juga adalah dicadangkan satu badan kawal selia tunggal dengan kuasa autonomi dari segi kewangan dan pengurusan ditubuhkan untuk melaksanakan rangka kerja kawal selia yang dicadangkan dengan berkesan dan cekap sesuai dengan kehendak-kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengutarakan di Dewan yang mulia ini beberapa peruntukan penting yang merupakan perubahan-perubahan dasar utama yang diliputi di dalam Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selaras dengan dasar ketelusan dan kejelasan kerajaan dan juga bagi menggalakkan persaingan yang sihat dalam industri percantuman ini, pembentukan satu Tribunal Rayuan telah diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini. Tribunal Rayuan ini adalah merupakan sebuah badan pakar yang hanya bersidang secara ad-hoc apabila diperlukan bagi menyemak sebarang rayuan berkaitan keputusan oleh badan kawal selia yang dikemukakan kepadanya, dipengerusikan oleh seorang hakim Mahkamah Tinggi. Tribunal Rayuan ini akan mempunyai sekurang-kurangnya dua orang ahli lain yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang berkaitan.

Dari aspek perlesenan bagi membolehkan flexibility dalam regime perlesenan, rang undang-undang ini memperuntukkan pemberian lesen kepada dua jenis yang khusus, iaitu lesen individu dan lesen kelas. Ini dirancang sebegitu rupa berasaskan kepada kehendak perlesenan yang dijangka akan berubah selaras dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam sektor komunikasi dan multimedia. Regime perlesenan yang diperuntukkan dalam perundangan ini adalah selaras dengan amalan terkini perlesenan sektor ini.

Perlindungan pengguna adalah merupakan satu lagi peruntukan penting yang diwujudkan di bawah rang undang-undang ini. Perbekalan ini membolehkan satu rangka kerja diwujudkan bagi perlindungan kepentingan dan hak-hak pengguna di mana badan kawal selia boleh melantik forum pengguna yang akan bertanggungjawab menyediakan kod pengguna yang perlu dipatuhi oleh semua pembekal kemudahan dan perkhidmatan. Forum pengguna ini juga akan berfungsi memelihara hak pengguna dan menyelesaikan pertikaian yang timbul antara pihak pengguna dan pembekal. Selain daripada itu, rangka kerja tersebut juga akan membolehkan badan kawal selia mewajibkan pembekal menyediakan perkhidmatan wajib berbentuk sosial seperti perkhidmatan kecemasan, bantuan operator serta perkhidmatan untuk orang kurang upaya di samping menyediakan perkhidmatan melalui regime perkhidmatan sejangat.

Tiga lagi rangka kerja penting yang diliputi di bawah rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara ekonomi, teknikal dan sosial. Melalui peraturan ekonomi dan teknikal yang diwujudkan kerajaan akan meneruskan usaha-usahnya untuk menggalakkan persaingan, pelaburan dan perkembangan pasaran pengguna di samping meningkatkan inovasi dan dalam industri komunikasi dan multimedia negara.

Saya cukup bangga dan mengambil kesempatan untuk Perkara-perkara yang diliputi di bawah peraturan ekonomi termasuklah pelesenan para peserta bagi pasaran kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian dan aplikasi serta peraturan-peraturan persaingan. Salah satu perkara penting di bawah peraturan teknikal yang diwujudkan ialah menggalakkan persaingan dari segi kebolehkendalian (interappropriety) rangkaian, pembahagian sumber terutama spektrum, radio serta keselamatan dan kebolehpercayaan rangkaian dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sama sekali tidak akan mengabaikan kepentingan rakyat di dalam menyokong pertumbuhan sektor baru komunikasi dan multimedia ini. Usaha ke arah memperkaya dan mempertahankan nilai budaya dan sosial negara terus diberi keutamaan oleh kerajaan di bawah rang undang-undang

ini. Melalui peraturan-peraturan sosial yang diperuntukkan, satu rangka kerja kawal selia bagi perkhidmatan aplikasi kandungan atau content diwujudkan di bawah rang undang-undang ini bagi menggalakkan pembangunan kandungan yang akan terus memartabatkan nilai-nilai kebudayaan dan adat resam rakyat Malaysia. Ini termasuklah pewujudan rejim pelesenan bagi perkhidmatan aplikasi kandungan serta mengadakan keperluan-keperluan yang akan memastikan aplikasi kandungan tidak mengandungi unsur-unsur lucah, palsu dan sebagainya. Untuk tujuan ini satu forum industri akan dilantik untuk bertanggungjawab menyediakan kod kandungan yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggubal Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini, kerajaan telah melakukan perincian yang mendalam dan teliti bagi memastikan rang undang-undang ini akan dapat menjadi penggerak kepada proses peralihan daripada rejim kawal selia yang sedia ada kepada rejim yang baru serta sebagai landasan kepada perkembangan sektor baru komunikasi dan multimedia ini secara yang tersusun, telus dan konsisten. Hal ini amat penting untuk membolehkan keseimbangan dapat diwujudkan di antara keperluan mewujudkan satu industri yang berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan tentang dan mengawal selia industri komunikasi dan multimedia yang menjurus ke arah percantuman dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali.

4.03 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya sebagai pembahas pertama di dalam perbahasan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berminat dengan Akta Komunikasi dan Multimedia ini dan mengambil masa yang agak panjang juga – beberapa hari meneliti akta yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini dan membuat sedikit sebanyak penyelidikan – berbincang dengan beberapa rakan kerana akta ini sangat penting, kerana ia ada kaitan dengan perubahan dan peradaban ummah kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya akta ini adalah satu manifestasi yang amat penting, yang bakal merupakan di antara beberapa mercu tanda perundangan hasil kerja Kerajaan Barisan Nasional dalam alaf ini. Saya bukan cuba untuk membesar-besarkan hujah ini sebagai salah satu daripada retorik politik semata-mata. Saya percaya tidak mungkin akta ini diadakan bagi menyediakan peradaban ummah kita menjelang abad ke-21 kalaulah DAP ataupun PAS yang memerintah negara Malaysia kerana kita tahu bahawa Malaysia di antara satu-satunya negara yang sedang membangun di kalangan negara-negara Selatan ataupun negara Dunia Ketiga ataupun di kalangan negara Islam yang pertama akan mewujudkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, malah yang pertama penubuhan Multimedia Super Corridor yang kita semua tahu. Saya yakin tidak mungkin kalaulah parti-parti politik yang lain daripada Barisan Nasional diberi kuasa oleh rakyat untuk mentadbir negara ini mampu menyediakan rangka pembangunan terutamanya dalam bidang komunikasi dan multimedia ini.

mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos iaitu Yang Berhormat Datuk Leo Moggie yang telah merangka akta ini bersama-sama dengan pegawai kementeriannya dan juga Jabatan Peguam Negara

yang pertama kali saya baca dalam akhbar di waktu perbahasan di Dewan Rakyat Ketua Pembangkang telah menyatakan ianya satu akta yang terbaik, boleh dipuji dan menyeluruh dan dikira ianya merupakan salah satu daripada banyak akta yang telah dibentangkan yang dianggap cukup menakjubkan. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kita berkewajipan di Dewan yang mulia ini untuk menyatakan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat yang menggubal Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini. Sesungguhnya apabila kita merenung dengan mendalam, maka akan dapatlah kita hayati betapa akta ini adalah salah satu daripada cabang prasarana yang perlu untuk dilengkapkan sebagai komponen, suatu gagasan yang bakal merubah peradaban ummah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita semua telah pun cukup banyak mendengar, membaca, membahas dan berbincang mengenai peranan multimedia ke atas kehidupan kita dewasa ini dan masa akan datang tetapi bagi saya perkembangan telekomunikasi dan multimedia hanyalah masih di peringkat janin dan belum lagi boleh dianggap sebagai bayi. Namun, Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah pun merancang ke arah pembentukan apa yang disebut sebagai sebuah 'Kerajaan Elektronik'. Ini adalah satu tindakan berani yang bukan sahaja berpandangan jauh tetapi adalah sungguh ke hadapan berbanding kesemua kerajaan lain di dunia ini. Ada pemimpin dia tahu baca khutbah sahaja tetapi tidak mungkin dapat membuat akta seumpama ini.

Sesungguhnya pewujudan kerajaan elektronik adalah satu transformasi daripada sistem pentadbiran lama yang berasaskan kertas perlu kita ingat bahawa penciptaan kertas dan teknologi percetakan adalah merupakan asas penyumbang utama kepada tamadun China yang bermula lebih 2000 tahun yang lampau. Jadi, apa yang sedang kita lakukan sekarang ialah untuk merubah daripada sistem pentadbiran yang di antaranya bergantung atas percetakan di atas kertas yang boleh

kita sebut 'Kerajaan Kertas' – kalau boleh disebut begitu kepada sistem pentadbiran digital dan mega maya, virtual, dengan izin.

Teknologi digital itu sendiri hanya bermula kira-kira setengah abad yang lalu sahaja. Itu pun ia telah melalui empat generasi. Generasi pertama, teknologi komputer dan telekomunikasi bermula selepas Perang Dunia Kedua. Teknologi ini bergantung kepada Injap Thermionic atau Thermionic Valve. Generasi kedua, dalam perkembangan komputer telah menukar pergantungan peranti komputer dari Injap Thermionic kepada transistor sehingga kira-kira dekat pertengahan 60-an. Dalam generasi ketiganya sehingga akhir 80-an pula, peranti komputer beralih kepada Integrated Circuit dan pengurusan ingatan (memory management).

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menggunakan komputer generasi keempat atau apa yang dipanggilkan sebagai Forth Generation Language iaitu GFL dan Large Scale Integration (LSI) dengan izin, atau integrasi meluas secara besar-besaran di mana bermulanya enterprise-enterprise maya dan siber ruang. Siber ruang ini dicipta oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau kita baca seimbis lalu, kalau kita tidak berhati-hati kita boleh sebut 'Siberuang' tetapi namanya Siber ruang. Dalam perkembangan pengkomputeran generasi kelima dikatakan bahawa sistem digital akan mempunyai pemproses yang boleh berfikir, mengamati dan bercakap dalam bahasa asli atau natural language. Perkembangan teknologi pengkomputeran dan komunikasi inilah yang menjurus kepada pembangunan, apa yang kita sebut sebagai multimedia sekarang ini, lantaran demi untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi ini khususnya bagi keperluan masa depan dengan hasil buah fikiran yang dikasihi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, kerajaan telah bertindak secara proaktif untuk membangun Koridor Raya Multimedia (MSC). Oleh kerana program besar ini melibatkan isu-isu masa hadapan (futuristic) maka ramai orang yang tidak memahaminya dan ramai pula yang menyuarakan kritikan malah bantahan.

Jadi akta yang sedang kita bahas ini pada hemat saya adalah mempunyai significant yang amat besar. Kita sepatutnya menyedari bahawa kita sedang merangka satu asas yang berperanan dalam

pewujudan tamadun baru yang bakal kita hadapi pada alaf baru dan insya-Allah akan diwarisi turun-temurun, mungkin 1000 tahun lagi. Seperti yang saya sebutkan tadi oleh kerana sudah terlalu banyak diperkatakan mengenai isu komunikasi dan multimedia termasuk rakan-rakan dari Dewan Rakyat dan sekarang pula dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dari segi teknologi dan perisian, saya lebih berminat untuk melihat implikasi perkembangan teknologi ini dari sudut kesan ke atas rakyat biasa khususnya mereka dari golongan miskin atau dari luar bandar. Hasrat ini didorongi oleh kebimbangan saya, bahawa pengaruh teknologi baru mungkin akan membawa masalah lain pula ke atas rakyat. Adalah dikhuatiri bahawa ianya boleh menjadi satu faktor pemisah masyarakat. Dulu jurang pemisah rakyat adalah berasaskan kepada strata kaum, taraf kemahiran atau ikhtisas dan tahap kemiskinan. Masalah-masalah sosio-ekonomi ini telah dapat diatasi dengan penggemblingan kejuruteraan sosial ataupun dengan izin, 'social engineering' melalui dasar-dasar kerajaan yang berpaksikan kepada dasar ekonomi baru.

Sekarang dikhuatiri akan timbul pula pemisah rakyat di antara golongan yang berpengetahuan dan yang tidak berpengetahuan secara relative. Ini lebih menggerunkan kerana seperti telahan Peter Draker bahawa sistem pengeluaran dan pekerjaan masa hadapan akan banyak bergantung kepada apa yang disebut sebagai 'the knowledge workers', dengan izin, atau pekerja-pekerja yang berpengetahuan dalam ertikata yang tersendiri di dalam suatu masyarakat yang digelar 'post capitalist society knowledge' iaitu masyarakat pasca kapitalis seperti yang sering kita katakan iaitu ilmu itu kuasa (knowledge is power) dengan izin, akan tetapi seperti yang kita tahu knowledge (ilmu) itu sendiri adalah terselit dalam maklumat. Maklumat itu pula banyak diproses, disimpan dan disebar melalui teknologi maklumat dan komunikasi yang kini berkembang dengan pesat sekali.

Dari situlah, maka timbul permasalahan tentang penguasaan rakyat ke atas teknologi maklumat. Inilah yang membimbangkan saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana didapati hanya segelintir daripada golongan rakyat sahaja yang nampaknya mempunyai kesedaran dan kemampuan untuk menguasai teknologi maklumat terkini. Rakyat biasa khususnya golongan miskin dan dari luar bandar masih lagi rata-rata terkeluar daripada golongan elitist yang boleh menguasai teknologi maklumat dan menghayati penyebaran maklumat yang terkini. Jika ini terus dibiarkan, adalah dibimbangi akan wujud jurang pemisahan rakyat di antara yang berpengetahuan iaitu maksud saya menguasai sistem dan teknologi maklumat dengan golongan yang buat masa ini boleh kita sebut sebagai buta komputer ataupun buta IT.

Program-program untuk menyebar luas penguasaan komputer di kalangan rakyat nampaknya masih banyak tertumpu kepada masyarakat bandar dan golongan elitist. Andai kata golongan buta IT ini menjadi lebih ramai yang masih lagi banyak di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, daripada golongan yang berpengetahuan IT. Kita akan menghadapi situasi yang tidak stabil dan boleh mengancam keharmonian rakyat di seluruh negara. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan penguasaan Akta Komunikasi dan Multimedia ini, saya menyarankan agar kerajaan dapat mewujudkan program yang lebih meluas dan berkesan untuk mengimbangi pengetahuan, kepenggunaan dan penguasaan teknologi maklumat oleh seluruh anggota masyarakat dengan seluas mungkin.

Hendaknya kita perlu mewujudkan angka tunjuk sosio-ekonomi yang khusus sebagai pengawal dan pengukur prestasi ataupun 'performance measure', dengan izin bagi menentukan nisbah celik IT di kalangan rakyat jelata. Maksud saya begini, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sedang mempunyai beberapa angka tunjuk ekonomi seperti CPI (Consumer Price Index) dengan izin, pendapatan perkapita berdasarkan kepada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar). Kadar celik huruf (literate) dan sebagainya, angka-angka tunjuk ini, kita boleh ikuti naik-turunnya – saban bulan atau setiap tahun. Sekarang kita cadangkan supaya diadakan juga angka tunjuk celik IT di kalangan rakyat berdasarkan pecahan kaum dan di antara penduduk bandar dan luar bandar sebagai angka tunjuk rasmi kerajaan. Dengan mengeluarkan angka tunjuk celik IT ini adalah diharapkan kerajaan dan pelaksana dasar akan sentiasa mengawal dan menyusun strategi-strategi tertentu untuk mengatasi permasalahan yang saya sebutkan di atas seperti ungkapan Inggeris 'whats get measured gets done' dengan izin, apa yang diukur dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya mengadakan satu program kecil membawa komputer ke desa baru-baru ini di daerah Pasir Mas, Tumpat - melalui Ekspo EMTEK 1998 yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Mei 1998 yang lalu menginsaf dan menyedarkan saya betapa jauhnya jurang pengetahuan tentang pewujudan dan penguasaan komputer di kalangan rakyat di luar bandar jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk bandar. Sukalah saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat memberi sokongan bagi menjayakan EMTEK 1998 yang telah mencapai kejayaan yang amat cemerlang.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed kerana sudi menjadi penaung dan datang merasmikan EMTEK pada 29 Mei, walaupun dalam keadaan yang uzur pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri baru sahaja selesai melakukan pembedahan kecil di kaki dan kita cemaslah sama ada Perdana Menteri dapat hadir atau tidak? Tetapi itulah komitmen, kesungguhan pemimpin, Perdana Menteri kita dan saya cukup kagumlah dan kita juga berterima kasih kepada puluhan ribu rakyat Kelantan yang telah datang beramai-ramai menyambut Perdana Menteri dan sewaktu EMTEK, Tuan Yang di-Pertua, sepanjang enam hari tidak kurang daripada 250,000 orang pengunjung, di mana dipamerkan pelbagai alat canggih dalam bidang multimedia.

Saya berterima kasih kepada pihak Telekom Malaysia Berhad yang sudi menjadi penaja utama dan begitu juga 43 buah syarikat-syarikat yang ambil bahagian. Bukannya senang hendak meyakinkan mereka ini dalam kegawatan ekonomi tetapi mereka turun sebagai prihatin kepada rakyat luar bandar dan tanpa penyertaan syarikat-syarikat, mustahil EMTEK tersebut dapat diadakan di luar bandar. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang tidak dapat saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, yang tampil ke hadapan menjayakan EMTEK ini, cukup luar biasa sebab hendak dibuat di luar bandar ini bukannya mudah, Tuan Yang di-Pertua, di luar bandar kemudahan asas tidak ada, fibre optics tidak ada, buat di padang sekolah, di kampung.

Selalu orang buat di PWTC, di The Mines Resort, itu pun tidak mudah, ini fibre optics, talian telefon tidak ada. Bila saya hendak buat dahulu orang kata ini mimpi ke ini, tetapi kita buat dan saya

bersyukur dan rasa bangga kerana sebuah yayasan yang kerdil, yang tidak pernah terima apa-apa bantuan daripada kerajaan, ini Setiausaha Parlimen, dengar tak? Tidak pernah kita terima saham-saham besar ini, tanah-tanah pun tidak pernah terima tetapi kita boleh - Saya cakap bukanlah hendak bangga tetapi kita rasa puas, puas kerana Kelantan ini di bawah Kerajaan PAS, ialah saya tidak sebutlah PAS Kerajaan Kelantan, saya bukanlah hendak minta mereka berterima kasih bila kita tolong buat ini untuk kepentingan rakyat Kelantan. Mereka buatlah juga, adalah juga mereka kata hendak buat besar-besaran EMTEK ini, orang lain pun buat, mereka buatlah 2-3 buah komputer satu khemah kecil, orang buat pameran dia pun buat pameran juga.

Lepas saya buat ini, awal-awal lagi 2 hari mereka pintas buat pameran, sepanduk PAS penuh di padang. Ini pameran IT tetapi lain dengan kita, kita canggih, orang Kelantan tidak pernah tengok. Sampai saya bawa turun gajah, gajah pun tengok komputer. Gajah pun hari itu saya bagi pakai seluar dalam [*Ketawa*] sebab Kelantan kena tutup aurat betul-betul, tidak boleh. Jadi ramailah rakyat turun tengok dan pengalaman yang saya lihat pada waktu itu cukup menakjubkan sekali. Jadi kita bantulah rakyat Kelantan walaupun kita sebuah yayasan yang kecil patutnya majlis macam ini dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan, oleh kementerian. Tidak cukup kempen IT setakat dalam televisyen sahaja dengan nyanyi sahaja, kita praktikal, kita bawa – kita berani tanggung risiko, pasang fibre optics dan sudah ada di kawasan Chabang Empat, insya-Allah saya hendak jadikan desa cyber wawasan nanti.

Insya-Allah kalau ada kemudahan dan sokongan, lainlah dengan saya harap juga nanti recognition dan penghargaan oleh kerajaan, dia tengok yayasan seumpama inilah patut diberi sokongan dan sumbangan. Kita tidak ada apa-apa pun, bukanlah ada setengah itu dapat macam-macam tetapi 1-2 biasiswa, kita tidak ada, kita main dari segi menggerakkan jentera

Puan Jamilah binti Ibrahim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta laluan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ibrahim mudah-mudahan dengan inisiatif, inovatif yang ditunjukkan oleh Datuk, rakyat Kelantan akan celik dari buta IT dan saya hendak tahu bilangan yang ikut itu bersama dengan binatang gajah, betapa ramainya. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, inilah pertama kali saya dengarlah, saya harap pernyataan ini boleh mewakili seluruh keluarga PAS sebab saya diberitahu selepas sahaja EMTEK dijayakan orang-orang PAS berceramah hentam saya, macam-macam mengata saya, ini datang bawa gajah, bawa EMTEK, menyusahkan orang berpuluh-puluh ribu sambut rakyat, saya boleh beri tape, ini penceramah PAS sendiri. Di madrasah bercakap kerana marah sebab saya himpun orang begitu ramai, itu yang saya bangkitkan. Jadi bila terima kasih itu, saya seronoklah sedikit. Masuk UMNOlah. [*Ketawa*]

Puan Jamilah binti Ibrahim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Dia mahu puji Yang Berhormat sekali lagi.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya berterima kasih lagi sekali, tetapi soal kempen masuk, bukan di Dewan. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, cara jawab itu ada keinginan. [Ketawa] Boleh kita runding di luar nanti, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, EMTEK '98 telah membangkitkan kesedaran di dalam bidang IT kepada rakyat luar bandar di negeri Kelantan dan insya-Allah EMTEK kalau ada keizinan dan sokongan kementerian yang bakal ditubuhkan nanti akan diteruskan lagi pada setiap dua tahun sekali lebih-lebih lagi di Kelantan kerana di Pantai Timur dan EMTEK 2000 akan diadakan kali yang kedua pada 29 Mei hingga 3 Jun, tahun 2000. Saya harap pada waktu itu insya-Allah Barisan Nasional sudah memerintah Kelantan, lagi hebat dan besar kita boleh buat dengan sokongan Senator kita di sini.

Daripada pertanyaan-pertanyaan yang diajukan semasa mereka melawat persekitaran Ekspo EMTEK ini, jelas menggambarkan bahawa ramai di antara mereka bukan sahaja tidak dapat mengenali peralatan-peralatan komputer malah tidak tahu hendak membeli sebuah komputer pun. Lebih menyedihkan lagi apabila didapati ramai yang tidak dapat menghayati tentang keperluan sesebuah komputer. Oleh itu bagaimanakah mereka dapat diyakini oleh anak masing-masing untuk mempunyai sebuah komputer di rumah. Jelas kempen untuk mempunyai sebuah komputer di sebuah rumah bukan sahaja sudah kelihatan malap sekarang tetapi jauh daripada mencapai sasaran.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini waktu Telemedicine membuat demonstrasi, Teleperubatan di mana kita sambungkan video conference Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan seorang pesakit di Hospital USM di Kubang Kerian dan ada juga pendidikan komputer jarak jauh dibuat demonstrasi. Rakyat kampung penuh di depan itu, ada yang tidak pakai selipar, ada yang pakai kain, pakai semutar, pengayuh beca, tanam padi, menoreh getah tetapi ada telefon bimbit. Dia duduk depan dan dia tengok dan kata "Ini rupanya Internet". Barulah dia tahu bahawa komputer itu sama penting dengan sebuah peti ais, orang kampung ada peti ais, dia tahu peti ais ini boleh letak barang makanan untuk tidak basi, tidak rosak. Jadi bila dia tengok komputer ini dan dia tengok demonstrasi penggunaan kad pintar yang dijelaskan oleh mereka membuat pameran ini sehingga saya dapati ada orang, petani kampung, dia kata "Di mana hendak beli dan boleh dibeli sekarang", bila ditanya "Pakcik ada duit?", dia kata "Ada, banyak di rumah, baru-baru ini jual sayur, jual padi, ada tujuh, empat ribu di rumah", sama seperti Yang Berhormat Datuk Zainudin, orang Melayu ada kemampuan, memang betul. Hendak beli segera, syarikat elektronik yang jual barang-barang elektronik Seng Heng, sampai tiga empat trailer dalam masa lima enam hari jual kepada orang kampung, maknanya mereka ada duit tetapi bila hendak beli itu dia tidak tahu, apa benda komputer itu, apa faedahnya? Ibu bapa ini sekurang-kurangnya dia tidak tahu guna pun dia boleh appreciate, dia lihat itu bendanya yang penting, dia lihat apa yang ditunjukkan di pameran sehinggakan kesedaran itu sudah wujud begitu tinggi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, maka pandangan saya, kita perlu mempunyai program khusus untuk mempercepatkan kesedaran, penghayatan dan penguasaan IT di kalangan rakyat luar bandar. Salah satu caranya ialah dengan mewujudkan satu pusat latihan dan penggunaan IT secara komprehensif di sekurang-kurangnya sebuah kampung dalam tiap-tiap daerah di seluruh negara. Sekarang kita sudah mempunyai projek satu kampung satu produk, kita ada Desa Wawasan. Apa kata jika kementerian ini dibentuk nanti, saya harap kita gabungkan unsur-unsur IT dalam Desa Wawasan di mana tarafnya

kepada Desa Siber Wawasan. Satu daerah ada satu kampung ada fiber optik dan di kampung itu ada mereka boleh beli komputer dan pasang Internet, ada kemudahan seumpama ini. Kalau tidak semua kampung pun, itu boleh menjadi pemangkin di tiap-tiap Desa Wawasan.

Saya tidak mahu lagi lihat bila ada projek-projek besar seperti penubuhan Multimedia Super Corridor di Sepang, Menara Kuala Lumpur, lebuh raya, bermacam-macam kemudahan tetapi orang-orang kampung masih lagi tidak mendapat faedah secara langsung selain daripada mereka di bandar. Sebab itu saya kira apa sangat kalau diwujudkan Desa Siber Wawasan. Dalam satu kampung ada beberapa buah rumah ataupun di sekolah atau di balai, kita boleh taja komputer dan dipasang Internet, jadi ia mungkin boleh menyedarkan, lebih cepat proses kesedaran rakyat dalam penggunaan IT dan komputer ini.

Tuan Yang di-Pertua, maklum balas yang saya katakan tadi yang diceritakan dari Ekspo EMTEK itu baru soal pemilikan komputer, belum lagi masalah ketinggalan maklumat yang disebarkan melalui Internet yang sekarang ini hanya boleh dimanfaatkan oleh mereka yang menguasai teknologi maklumat. Ini akan menyebabkan perlumbaan merebut ilmu yang tidak saksama di antara rakyat. Selain daripada itu gejala Internet juga telah menimbulkan beberapa masalah di kalangan mereka yang boleh menguasai komputer, di antaranya kita dapati pengwujudan cyber cafe ibarat cendawan tumbuh selepas hujan di bandar-bandar di seluruh negara.

Cyber cafe ini mempunyai kesan buruk dan baiknya seperti dangdut dan karaoke di kelab-kelab malam tertentu. Cyber cafe yang lebih terbuka dan mudah dikunjungi oleh banyak pihak mendedahkan muda mudi kepada gejala-gejala yang tidak sihat. Masalahnya pada waktu yang sama penglibatan cyber cafe adalah di antara cara yang mudah dan murah untuk anggota masyarakat mendapat dan menggunakan Internet di samping menghiburkan. Dengan unsur-unsur hiburan itu tentu sekali kita dapat menarik minat muda mudi diadakan oleh kerajaan agar hanya sumbangan-sumbangan positif sahaja yang dimanfaatkan dari cyber cafe dan unsur-unsur negatifnya hendaklah dibendung atau dihalang. Saya sedar bahawa saranan ini adalah satu perkara yang mudah diperkatakan tetapi sukar untuk dilaksanakan. Namun kita tidak mempunyai pilihan lain melainkan berusaha dan berfikir bersungguh-sungguh supaya masalah ini dapat diatasi. Saya yakin sekiranya niat dan tindakan kita sentiasa berlandaskan di atas kebenaran maka hasilnya tidak dapat tidak akan baik juga.

Selain daripada masalah gejala negatif daripada pewujudan cyber cafe yang mengambil kesempatan di atas perkembangan teknologi maklumat, sebaran maklumat melalui Internet juga akan menghadkan keupayaan kita untuk mengawal segala bentuk manifestasi pemikiran bebas dengan pelbagai motif. Ini termasuklah penyebaran pembohongan, fitnah, hasutan dan sebagainya. Selama ini penyebaran maklumat sedemikian melalui teknologi percetakan dan kertas seperti buku, majalah dan akhbar boleh kita tapis dan kawal. Misalnya orang yang teraniaya oleh fitnah melalui buku ataupun surat-surat layang boleh pergi ke mahkamah untuk mendapat perintah injuction. Apabila maklumat ini tersebar melalui Internet, apakah mereka yang teraniaya itu dapat menghalang penyebarannya dan mendapat keadilan melalui mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah antara cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dan diharap Akta Komunikasi dan Multimedia ini dapat digunakan untuk menangani persoalan-persoalan yang berbentuk sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu komunikasi dan multimedia bukan tertumpu kepada Internet, perhubungan dan unsur-unsur hiburan semata-mata. Kita juga perlu mengambil perhatian tentang penyebaran maklumat lain yang tidak kurang pentingnya terhadap kesejahteraan rakyat. Contohnya maklumat untuk kita bergerak seharian di kawasan dan tempat-tempat tertentu seperti di bandar-bandar. Kita lihat betapa kurang sekali maklumat-maklumat statik di jalan-jalan raya dan tempat tertentu di bandar-bandar. Kalau adapun banyak yang mengelirukan, tidak mudah dicam atau dikesan. Apa yang menyedihkan, kita dapati banyak papan tanda iklan dengan gambar atau tulisan yang lebih besar daripada papan tanda, tunjuk arah, papan tanda arah tunjuk jalan, nama jalan ataupun tempat-tempat tertentu.

Kadang-kadang papan tanda maklumat untuk faedah masyarakat itu terlindung terus oleh papan iklan, ranting pokok dan bangunan baru. Lihat sahajalah arah tunjuk di beberapa lebuh raya dan jalan raya sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar. Banyak di antara papan tanda itu yang didirikan terlampau dekat dengan persimpangan. Bila tiba di persimpangan baru boleh dibaca arah tuju. Masa itu adalah terlalu suntuk untuk pemandu membuat keputusan sama ada untuk ke kiri, ke kanan ataupun ke hadapan. Ini juga telah menyumbang kepada sebab-sebab kecelakaan jalan raya.

Sebagai contoh yang lebih khusus, saya ingin mengajak Tuan Yang di-Pertua, menyelami sendiri masalah pengguna-pengguna kenderaan awam di ibu kota. Kita dapati dikebanyakan perhentian bas dan teksi ketara sekali kekurangan papan tanda, panduan kod arah destinasi serta tempat-tempat menaiki kenderaan. Ini menyebabkan pengguna awam terpaksa terkejar ke hulu, ke hilir untuk mendapat kemudahan awam yang betul. Bayangkan seorang dari kampung yang baru tiba di Kuala Lumpur, bila hendak ke suatu destinasi daripada pusat bandar ke pinggir bandar terpaksa ia tertanya-tanya tentang pelbagai maklumat untuk menghubungkan perjalanannya ke destinasi terakhir. Jelas pihak-pihak yang bertanggungjawab termasuk kerajaan tempatan perlu memperbaiki sistem penyebaran maklumat statik dari tahap keadaan yang terdapat sekarang.

Saya nyatakan ini Tuan Yang di-Pertua, sebab perkembangan teknologi penyebaran maklumat ini boleh membantu menyelesaikan masalah ini. Sebab kita

sekarang sudah canggih, sudah maju. Maka kalau kita bawa kereta, tidak nampak papan tanda boleh melanggar kerana sekarang ini kereta semuanya hebat-hebat. Yang Berhormat Puan Jamilah, wakil PAS, saya selalu ingatkan pakai - mana kereta Proton saga. Semalam saya hendak balik dari Dewan Rakyat/Dewan Negara saya duduk di belakang, meluru lalu kereta 190, tengoknya Yang Berhormat Senator kita, pakai Mercedes 190E bukan main lagi! Saya hendak angkat tangan pun tidak sempat. Saya selalu ingatkan orang PAS ni dia pakai Proton Saga ke, Kancil ke rupanya Mercedes, kira syabaslah berjaya. Ini menunjukkan kejayaan ini kerana Kerajaan Barisan Nasional. Tidak boleh dinafikan. Dan ramai lagi yang lain-lain pakai. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tidak perlulah mengutuk banyak-banyak orang PAS, sebab kami ini orang yang baik dan jiwa kami humble, merendah diri dalam semua bidang pertamanya kepada Allah dan sesama umat Islam termasuk umat yang bukan Islam. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Betul, saya mengaku Tuan Yang di-Pertua, kalau orang PAS di dalam Dewan Negara, kalau Dewan Rakyat cukup baik, tidak fikir langsung bahawa mereka ini tidak baik, memang baik betul. Lemah lembut, bercakap senyum tetapi kalau balik ke kampung, dengar mereka bersyarah, memang boleh gila kita. *[Ketawa]* Baca, tengok, beli sahaja kaset yang dijual kepada kita di Masjid Kampung Baru, boleh dengar - ceramah macam-macam dihentamnya tetapi kalau depan ini baik betul, pijak semut tak mati, bercakap lemah lembut, bahasa teratur, angkat tangan, berpeluk tetapi bilalalik kampung, masuk masjid, masuk madrasah, dia hentam lumat-lumat.

Orang Barisan ini pula dalam Dewan ini dia bercakap dong-dang, dong-dang tapi hakikatnya orang baik, ia terbalik. Hati orang Barisan lebih baik daripada orang PAS, hendak buat macamana, hakikat, ini semua orang tahu. Kalau tidak, masakan rakyat beri sokongan yang besar. Jadi itu untuk makluman kalau Yang Berhormat hendak bukti, saya boleh beri bukti, kaset.

Saya hendak sebut satu contoh, ini kerana teknologi maklumat. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, dia pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam, adalah mesyuarat dua, sebulan sekali. Ada Menteri-Menteri Besar.

Dalam mesyuarat itu ada di bincangkan bab Islamlah sebab ini Majlis Hal Ehwal Islam. Bincang bab Islam. Perdana Menteri beri pandangan macam biasalah. Kita ini Islam, memang kita berjuang untuk Islam tetapi jangan perkara-perkara yang remeh-temeh itu dibesarkan, didahulukan. Adalah disebut bab janggut, bab ketayap komen sikit - tidak tahulah betul atau tidak - mengenai dengan Datuk Harun Din, kaset itu terkeluar daripada mesyuarat ini, siapa punya kerja ni. Patut pihak polis menyasat macamana perkara ini boleh jadi. Dan kaset inilah digunakan, diedarkan di Arau baru-baru ini secara senyap-senyap, secara sulit. Ini kaset rahsia, Perdana Menteri anti-Islam dan Perdana Menteri anti-Al-Quran. Tidak percaya, dengar kaset. Kaset pula dengar tidak dengar. Dengar suara PM, dengar dua, tiga, empat orang bercakap maka dia buat kesimpulan seolah PM itu anti-Islam, itu bohong itu.

Balik cakap pada Nik Aziz, balik cakap ada Fadzil Noor memang tidak bertanggungjawab, merosakkan pemikiran rakyat dan kaset itu dijual sekarang ini. Saya tahu ada dijual di kampung-kampung, di kawasan saya pun ada dan cara dia hendak beri kaset itu penting dan dibuat dengan cara, hendak dengar tidak, ini kalau polis dengar ni, salah ni. Dengar bawah pokok, bawah rumah, bawah madrasah. Itu berlaku betul. Disalahgunakan. Siapa punya angkara, yang mengeluarkan kaset ini. Dan diambil sebahagian-sebahagian. Ini yang bahaya yang dikatakan teknologi maklumat ni. Itu yang dikatakan baik. Saya percaya itu kerja PAS, sebab orang PAS yang jual.

Salah seorangnya di Masjid Jamek. Sekarang ini yang ada jual buku, macam orang PASlah, pakaian, apa semua pun. Bila tengok semua buku cantik. Lepas itu kita tengok situ, dia pun panggil, ada cari apa-apa benda yang sulit tidak? Dia kata, ada surat layang. Buku ini di bawah tikar. Lepas itu kita pergi. Ada satu lagi, kaset. Hendak kaset tak. Kaset apa? Rupanya kaset yang dikatakan tadi, yang saya sebutkan tadi. Tersebar di seluruh negara, ini bertanggungjawab apa ni, Islam apa ini? Itulah saya memang malas cakap, tetapi apabila sudah sentuh, memang. Saya hendak test sikit-sikit sahaja. Saya berani mengatakan bahawa tidak bertanggungjawab

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan ke?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Berilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih kerana baik hati memberi laluan. Tuan Yang di-Pertua, jangan cabar “Ini Islam apa?” Kerana perkataan itu, “Ini Islam apa?” Erti Islam itu, jangan mencabarkan “Ini Islam apa”. Kalau hendak cabar orang PAS, bukan orang PAS sahaja yang tidak elok, orang UMNO pun lebih kurangnya, kita manusia. Itu sahaja. Saya minta maaf.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak mencabar Islam, saya tahu saya orang Islam dan semua kita ini orang Islam. Bagi kita orang Melayu, kita orang Islam, cuma betul saya sebut tadi, Islam PAS apa ini? Memang kena ajar, saya cakap Yang Berhormat, sebab saya hormat Yang Berhormat sebagai seorang wanita, saya cukup hormat kaum ibu ini, kalau tidak memang saya kerjakan sampai lumat itu. Betul! Saya hendak berdepan, kalau boleh dengan Nik Aziz, dengan Fadzil Noor, dengan Haji Abdul Hadi, dengan Mohamad Sabu, mereka ini yang bertanggungjawab, Yang Berhormat ini terima bahagian sahaja jadi Senator, orang Selangor dapat jadi Senator Kelantan, tumpang tuah sahaja, dapat elaun, tetapi Islam yang rosak, masyarakat Islam yang rosak, orang Melayu yang berpecah-belah, sebab saya tidak tahan dengan perbuatan mengedar kaset yang tidak bertanggungjawab ini.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: [*Bangun*]

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Hendak cakap apa silakan, saya beri.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan kata-kata daripada creators Allah S.W.T., Allah yang mencipta kita ‘*Waaqrimu bani Adam*’, Allah telah mengangkat darjat wanita dan lelaki, tak payah Yang Berhormat mengangkat kerana saya kaum wanita, maka Yang Berhormat tidak mahu mencabar saya. Itulah yang hendak saya nyatakan. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, cara jawab itu pun menunjukkan ada sedikit angkuh, tak macam watak kaum ibu ataupun wanita, tidak macam muslimat. Itu sungguh saya katakan, sebab betul semua cari makan, saya tahu cari makan sahaja, pemimpin-pemimpin PAS, politik PAS cari makan sahaja tidak lebih dari itu, memang cari makan, bila dapat jadi wakil rakyat, dapat jadi

Senator, kereta Mercedes itu dan inilah, tetapi bila bercakap kepada rakyat 'pong pang pang pang', kita prihatin, kita orang Islam, kita berjuang untuk agama, kita itu dan kita ini, bawa kereta Mercedes, naik kapal terbang kelas pertama. Sepatutnya jalan kakilah, naik basikal, duit gaji itu beri kepada orang miskin, beri kepada orang daif, anak yatim, patut begitu. Okaylah, cukuplah!

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya difahamkan bahawa untuk meletakkan maklumat kod destinasi, arah tuju kenderaan awam di papan-papan tanda khas di bandar-bandar perlu dibayar dengan kos yang agak tinggi kepada pihak kerajaan tempatan. Soalnya siapa pula yang hendak membayar kos tersebut kalau dibuat tanda tunjuk arah menggunakan teknologi terkini seperti yang saya sebutkan tadi.

Bolehkah kita harapkan pengusaha-pengusaha kenderaan awam seperti katakanlah Intrakota untuk menambahkan lagi perbelanjaan sedangkan mereka sentiasa mengeluh kerugian. Lebih menyedihkan kita dapati di perhentian-perhentian bas, banyak papan iklan yang rela dikosongkan kerana tidak ada pengiklanan, sedangkan pada ruang sedemikian boleh diletakkan maklumat kod perjalanan kenderaan awam ke destinasi yang tentunya memberi manfaat kepada rakyat dan masyarakat.

Saya rasa dari segi pemberitahuan maklumat awam di bandar-bandar dalam negara kita masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara maju. Takkanlah kita hendak menunggu tahun 2020 baru hendak memperbetulkan kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya ingin menyarankan agar melalui penguatkuasaan Akta Komunikasi dan Multimedia ini, diadakan satu peraturan mewajibkan kaedah atau sistem pemberian maklumat yang berkesan untuk faedah pengguna kemudahan awam seperti papan tanda, kemudahan secara elektronik atau sebaliknya. Apabila rakyat dapat memperoleh maklumat dengan mudah, cepat dan betul maka masa dan tenaga produktif mereka tidaklah terbuang begitu sahaja oleh kesesakan ataupun kesilapan memilih kenderaan awam misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kedaifan petanda sebarang maklumat di jalan raya, saya juga ingin menyentuh tentang media elektronik. Terlebih

dahulu saya menyatakan syabas kepada RTM di atas daya usaha mereka yang tidak kurang kreatifnya untuk menyebarkan maklumat yang berkesan kepada masyarakat, contohnya slot bahasa IT di radio (BIT) yang berkumandang saban hari selewat-lewatnya pukul 7.00 pagi, 3.00 petang dan 11.00 malam.

Program bahasa IT di radio menarik minat saya kerana apabila kita mendengar pakar IT berkomunikasi secara sesama mereka, seolah-olah mereka bercakap dalam bahasa asing, contohnya, kadang-kadang disebut ram, bukan Ramlah Ram, ram, rom, default, illegal, garbage - sampahlah dan macam-macam lagi istilah yang pelek-pelek. Pagi semalam iaitu sehari sebelum melalui rangkaian satu RTM, kita dengar mereka berbincang mengenai dengan rapid prototyping (RP), CAD dan CAM. Sekurang-kurangnya melalui BIT dapatlah kita faham sedikit demi sedikit istilah pelek ini. Bila bercakap dengan golongan muda lebih-lebih lagi yang terpelajar dalam bidang IT tidaklah kita terasa kita ini terlalu tua dan ketinggalan sangat, di dalam radio ini betul anak saya pun bila bercakap macam-macam istilah, kita pun tidak faham, kata istilah pun istilah hal-hal komputer ini. Jikalau Yang Berhormat Ahli-ahli PAS ini hendak belajar boleh dengar melalui siaran pukul 7.00 pagi, 3.00 petang dan 11.00 malam, cukup berfaedah.

Kaedah pendidikan di dalam program BIT ini bukan sahaja ringkas, padat tetapi juga menarik. Sayang sekali program sebegini hanya mampu ditaja oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEM) sahaja, yang lain tidak ada, yang lain mereka suka taja perkara-perkara yang lain.

Kita mengharapkan lebih banyak lagi gergasi korporat untuk tampil ke hadapan menaja program-program ilmu khususnya yang berkaitan dengan perkembangan multimedia, diadakan sama ada di radio atau televisyen. Saya akui rangkaian-rangkaian lain seperti TV3 pun ada juga program mendidik rakyat, tetapi saya mintalah agar diperbanyakkan lagi.

Saya harga daya usaha RTM mengadakan rangkaian-rangkaian tambahan seperti Suara Islam, Rangkaian Irama Melayu Asli (RIMA) dan rangkaian untuk Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar semuanya itu bila ada masa terluang. Mengenai dengan Rangkaian Irama Melayu Asli (RIMA), saya harap jangan asyik sangat memutarakan lagu-lagu Datuk M. Daud Kilau dan Datuk S.M. Salim sahaja, bukan tak boleh tetapi banyak lagi lagu-lagu Melayu yang rentak lama yang masih belum kedengaran seperti *Gurindam Jiwa*, kalau orang-orang PAS mendengar lagu-lagu sayu-sayu ini seronok ini, lagu seperti ini kurang disiarkan, misalnya saya belum lagi mendengar lagu *Tarian Selendang* melalui RIMA, hendaknya RIMA juga jangan lupa untuk menyiarkan Dikir Barat yang diharamkan oleh PAS di Kelantan, Hadrah dan lagu-lagu rakyat yang lain termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapati sudah terlalu banyak rangkaian radio swasta. Daripada pengamatan saya, terkembangnya rangkaian-rangkaian yang banyak ini hanya memberi laluan kepada penyiaran-penyiaran gaya hidup dan lagu-lagu Barat yang tidak kita perlukan sangat untuk membina masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah buka radio dan cari saluran pada waktu-waktu puncak (peak time), kita dapati lebih 50% daripada saluran-saluran itu menyiarkan serentak lagu-lagu yang bukan berpaksikan tempatan ataupun budaya negara kita. Ini termasuklah celoteh DJ-DJ, kadang-kadang ada orang yang seronok mendengarnya, saya dengar naik 'cuak' dalam telor percakapan tarian ala Mat Saleh yang mengada-ngada. Saya dengar pun naik muak, mengada-ngada lebih sangat tetapi budak-budak muda mereka sukalah, dia ikut selera budak-budak muda, tetapi kadang-kadang perbuatan yang seumpama ini yang membuatkan anak-anak muda kita jadi meloncat-loncat ini, terlebih sangat, jikalau sedikit-sedikit itu bolehlah, jangan terlebih sangat. Ini tidak akan mengajar pendengar lebih-lebih lagi golongan muda mudi dengan sopan santun atau nilai ketimuran, sebab dia tidak ajar, bahasa Melayu pun rosak habis bercampur aduk semua sekali.

Saya kira dan saya rasa kita perlu penyampaian maklumat melalui radio dan televisyen yang lebih menggambarkan tatasusila murni ketimuran. Bagi penonton dan pendengar media-media elektronik, dalam era globalisasi dewasa ini mereka sudah cukup terdedah dengan pelbagai penyampaian gaya orang luar terutamanya

dari Barat. Apa perlu kita tambahkan lagi dengan penyampaian yang sama ataupun meniru unsur-unsur luar, seeloknya kita patut menggunakan saluran-saluran tempatan untuk menyetengahkan nilai tempatan supaya penonton ataupun pendengar sentiasa dapat membezakan antara yang tempatan dengan yang luar. Saluran rangkaian-rangkaian tempatan tidak sepatutnya membuat unsur kebudayaan kita menjadi kerdil, itu bukan globalisasi namanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan sangat perkara ini sebab kemudian nanti apabila kementerian yang baru ini dibentuk, komunikasi dan multimedia, pelesenan dan semuanya akan berpindah kepada kementerian ini supaya lebih prihatin, awal-awal lagi kita telah tahu, kita ada matlamat, tidak seperti sekarang seperti yang saya sebutkan tadi, ada setengah-setengah program yang teruk-teruk termasuklah cakap-cakap DJ.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini di Jepun dan Amerika Syarikat, mereka sedang berusaha untuk mensyaratkan, ini dengar baik-baik, saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, yang saya dapat tahu, supaya diambil perhatian oleh kementerian supaya setiap set TV bersaiz lebih daripada 32 sentimeter supaya dilengkapi dengan suatu piranti yang dipanggil 'v-cip' hari ini keluar dalam surat khabar, v-cip. Dengan peralatan ini, mereka berharap untuk mengawal kanak-kanak dan mereka yang di bawah umur 18 tahun. Saya kira bagi kita yang sudah baligh, kalau dalam konteks ini daripada dapat menonton dengan mudah siaran-siaran lucu, ganas dan dianggap negatif.

Saya percaya ada di antara kita di sini yang berharap supaya v-cip juga digunakan di negara kita suatu hari nanti. Kalau boleh secepat mungkin. Akan tetapi saya berpendapat tindakan sedemikian bukanlah caranya untuk mengatasi masalah kegawatan akhlak yang tidak terkawal lagi di barat dan di Jepun. Kebelakangan ini kita dapati mereka sedang resah dengan gejala sek dan pembunuhan di kalangan kanak-kanak. Kaedah mengawal penyiaran negatif dengan menggunakan v-cip di barat dan Jepun bukan sahaja sudah terlewat tetapi tidak tepat.

Sekarang ini sudah lebih dua, tiga generasi orang-orang Barat yang sudah terdedah dengan percambahan bahan-bahan lucu dan negatif. Bahan-bahan tersebut sudah banyak tersimpan di bawah bantal dan almari peribadi dan sebagainya. Terdapat kanak-kanak yang menyimpan bahan-bahan lucu kepunyaan datuk mereka yang ditonton atau mereka gunakan semasa muda dahulu. Adalah terlalu sukar untuk membersihkan sampah sarap bahan lucu di kalangan masyarakat Barat dewasa ini. Bahan-bahan lucu itu mungkin akan tersimpan oleh mereka hingga beberapa generasi akan datang. Mahukah kita perkara seumpama ini berlaku di negara kita? Tentu kita tidak mahu. Maka sebab itulah negara Barat dan negara Jepun walaupun nampaknya telah berjaya mempertingkatkan mutu pengeluaran dan barangan mereka tetapi mereka gagal mempertingkatkan mutu akhlak anggota masyarakat.

Dalam gagasan pengurusan mutu menyeluruh ataupun disebut Total Quality Management (TQM) di mana mereka mengikuti dengan tekun saranan guru-guru pengurusan seperti yang disebut oleh Cosby atau 'berfatwa' bahawa salah satu daripada absolute of quality ialah the system of quality is prevention not detection, dengan izin. Ertinya pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan.

Oleh itu bagi masyarakat kita yang masih bersih daripada bahan-bahan lucu itu adalah lebih baik bagi kita mencegah terus gejala-gejala itu daripada dibiarkan berleluasa dalam masyarakat kita. Tugas ini merupakan di antara cabaran rumit pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia serta kementerian yang akan bakal ditubuhkan. Jangan fikir soal kemajuan dan pembangunan kerana kita pun hendak aspek ini.

Berbalik kepada T.V. kita saya ingin menyentuh TV Pendidikan. Ramai yang merungut bahawa mutu pada keseluruhan rancangan T.V. Pendidikan kita agak mengecewakan. Tidak banyak pembaharuan daripada apa yang disampaikan kepada kita semasa di bangku sekolah lebih 30 tahun yang lalu dengan mutu T.V. Pendidikan sekarang. Perbezaannya mungkin dari sudut warna warni dan teknik fotografi sahaja tetapi kalau ditengok memang boring. Saya sudah tanya kepada kanak-kanak dan mengatakan memang boring. Tidak menarik cuma colour sahaja yang ditukar tetapi jalan cerita dan gaya penyampaian tidak banyak beza -

stereotype, itulah dia T.V. Pendidikan. Yang lain kelihatan kaku, tidak bermaya dan apabila ditanya kepada penuntut-penuntut yang menonton rata-rata memberi maklumbalas yang boleh disimpulkan sebagai menjemukan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ternyata sekali kita mengupas keperluan dan mesej yang terkandung dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini. Banyak mencetuskan isu-isu baru dan menuntut kepada penggubalan rancangan dan tindakan baru yang perlu kita adakan demi menyediakan rakyat untuk menghadapi cabaran alaf Ke-21. Dari segi pentadbiran dan politik kita mendapati kaedah pendiktatoran, pendemokrasian, pemilihan dan pilihan raya, cara-cara berkempen dan melobi juga akan mengubah corak. Ahli-ahli politik masa hadapan harus bersedia menghadapi perubahan mengikut perkembangan IT semasa.

Saya sekarang sedang memikir kaedah-kaedah berkempen secara digital - punya canggih. Dahulu saya edar calculator waktu [*Ketawa*] dua tiga tahun dahulu sebagai tanda peringatan. Sekarang sudah tidak boleh buat sebab itu politik wang. Saya masih ingat lagi sebagai tanda ingatan tapi sekarang teknik itu tidak boleh digunakan lagi. Bukan sahaja salah dari segi politik wang dan kini hendak masuk ke dunia IT. Maka kita fikir macam mana hendak berkempen dengan cara digital. Mungkin ini cara kita boleh mengalahkan Pas, insya-Allah. Saya harus fikir cara baru yang lebih canggih dan berkesan sesuai dengan perkembangan IT. Sebab inilah perkembangannya dan kita kena terima hakikat kerana inilah perkembangan dunia sekarang yang dikatakan globalisasi, teknologi maklumat, IT dan multimedia ini.

Kita juga harus bersedia bahawa tidak mustahil suatu hari nanti pengundi-pengundi tidak perlu lagi keluar rumah atau pejabat untuk membuang undi. Perkara ini kementerian kena fikirkan. Suatu hari nanti mengundi dekat rumah dan bagi orang tua yang kita kena usung ke hospital ada kemudahan di hospital, di rumah sudah dipasang dengan komputer dia boleh mengundi melalui E-mail. Lebih menakjubkan lagi apabila kita fikirkan bahawa kotak di atas meja yang kita panggil PC atau komputer yang boleh dibimbit sebagai note book computer (komputer kecil) tidak akan kekal dalam bentuk itu dalam tempoh satu atau dua dekad mendatang. Skrin atau keseluruhan komputer mungkin boleh dilekatkan di

kacamata sahaja dan boleh dibawa ke sana ke sini seperti telefon bimbit sekarang. Semasa kecil dahulu kita lihat telefon bimbit digunakan oleh perisik seperti *The Man From Uncle* ingat tidak dahulu? Dia bawa telefon bimbit dalam siaran T.V. ataupun semasa *James Bond 007* dahulu. Masa itu dia bawa telefon bimbit tetapi sekarang telefon bimbit sudah menjadi perkara lumrah. Saya sebut di Pasir Mas, Kelantan waktu itu buat EMTEK penoreh getah pun ada telefon. Pengayuh beca rupanya ada telefon di pinggang. Anak telefon pun boleh daripada rumah dan sekarang ini telah berbeza.

Sekarang ini telefon bimbit sudah lumrah dan digunakan oleh sesiapa termasuklah ‘The Man From Pasir Mas’ dahulu *The Man From Uncle*. Kita pakai telefon bimbit dan sekarang ini hingga dua tiga buah telefon bimbit seorang. Anak-anak sekolah di Tingkat Satu pun sudah dapat telefon bimbit sekarang ini. Pelajar-pelajar Tingkat Dua, Tingkatan Tiga sekarang ini sudah ada telefon bimbit. Boleh dikatakan tidak ada orang tidak ada telefon bimbitlah, di mana kalau sekali berbunyi, riuh dalam sebuah kedai. Maknanya sudah menjadi lumrah dan sekarang ini ia bertambah hebat. Pendek kata kemajuan telekomunikasi dan multimedia akan terus mengubah pelbagai aspek kehidupan dan pekerjaan harian kita. Ianya bukan sahaja merangkaikan perhubungan kita merentasi sempadan daerah dan benua dalam bentuk globalisasi tetapi akan menyatukan sains dan seni.

Saya cuma ingin mengingatkan bahawa dalam keghairahan kita untuk menggunakan komputer untuk menyimpan segala data dan maklumat dengan teknologi penyeteran digital. Terdapat juga masalah yang pernah dihadapi seperti yang diceritakan oleh bekas Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum telah terjadi di mana sejumlah dokumen Arkib yang disimpan dalam penyeteran komputer suatu ketika dahulu kemudiannya tidak dapat dikeluarkan akibat penukaran perkakasan komputer baru yang tidak boleh membaca piranti penyeteran lama. Hal ini telah berlaku because of the new technology - dengan itu beberapa maklumat atau bahan penting telah hilang begitu sahaja. Diharap

masalah ini diberikan perhatian yang lebih serius oleh pihak-pihak tertentu. Mungkin Suruhanjaya yang bakal dibentuk di bawah Akta yang sedang kita bahaskan ini patut membuat beberapa peruntukan bagi menjamin pengendalian maklumat yang tersimpan dalam sistem komputer. Jangan nanti ada di antara bahan sejarah kita yang luput disebabkan penciptaan alatan komputer yang terlalu maju untuk dikejar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara beberapa pandangan yang saya hendak sampaikan dan kementerian ini akan dibentuk tidak lama lagi. Saya harap kementerian ini benar-benar canggih dan saya bersetuju dengan pandangan di mana apabila kita sebut reformasi, orang tidak perlu ditukar tetapi yang perlu ialah idea dan dasar. Kepimpinan orang tidak perlu kita tukar di mana idea itu adalah satu reformasi begitu juga dengan perubahan dasar. Tetapi untuk kementerian ini ia adalah prerogative Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Orang yang benar-benar pakar hendaklah dilantik mengendalikan kementerian ini dengan kata lain pemimpin yang tidak boleh dikatakan oleh orang lain seperti kartun. Jangan pula manusia ini jadi kartun. Kita hendak Yang Berhormat Menteri yang dilantik hendaklah sesuai dengan kementerian tersebut dan sesuai apa yang dibuat dan bukan yang jenis kartun. Jenis kartun ini saya tidak mahu ulas tetapi maknanya yang ada

Datuk Haji Sairin bin Karno: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta laluan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mohon penjelasan. Satu, apakah Yang Berhormat maksudkan dengan kartun-kartun ini,

adakah kartun yang ditulis atau dilukis dan apakah Yang Berhormat bermaksud untuk memberi pandangan dan cadangan dan siapakan menteri yang dimaksudkan tadi. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: saya maksudkan, tidak ada. Sekarang ini tidak ada. Saya takut di masa depan, ada. Kita tidak hendak macam menteri-menteri di Singapura contohnya pemimpin-pemimpin Singapura, bunyinya pandai tapi bebal sebab tidak faham bilateral. Bunyi maju, inilah kalau kita maju tidak ada budaya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok pemimpin Singapura sudah bebal, besar kepala dalam erti dia rasa, dia maju dia rasa dia ada alat-alat senjata yang hebat-hebat, lebih besar dari orang lain walaupun negara kecil, dapat senjata mungkin dari Israel, senjata canggih dah boleh mengugut orang, sudah tidak menghormati bilateral. Kita tidak hendaklah pemimpin macam itu, itulah pemimpin kartun yang saya maksudkan. Maknanya kita hendak pemimpin yang canggih yang committed, bila buat statement orang tidak ketawa. Statement pula consistent. Dan tahu apa yang dia cakap, jangan budak-budak pun boleh tegur, semalam cakap lain hari ini cakap lain, lepas itu bila maju walau canggih tapi dia pun mempunyai ketahanan budaya. Jangan jadi macam pemimpin Singapura. Itu saya katakan pemimpin yang baik, pemimpin yang canggih, kalau tidak, jadi macam Singapurallah, yang menderita nanti rakyat.

Kita sebut Singapura, rakyat tidak terlibat, pemimpin sahaja. Sebab ada agenda yang tersendiri, pendek katalah kalau pemimpin di Singapura itu ada budaya, ada adab, ini pemimpin Singapura sekarang tidak ada budaya dan tidak ada adab walaupun dah maju. Dia tak masuk dalam golongan yang dikatakan civilise, tidak mengamalkan civil society. Sebab kita dah tahu dasar, approach diplomat, Tuan Yang di-Pertua, pun seorang diplomat. Diplomat ini kita tahu dia punya tanggungjawab apatah lagi hubungan dua hala. Kalau bilateral, perkara itu tidak diputuskan lagi pihak kita atau sebelah sana tidak boleh buat, sehingga perkara itu selesai. Jangan perkara itu belum putus kita dah buat. Itu orang kata tidak ada adab dan tidak civilise. Itulah kita kata, kalau maju pun, kalau tidak ada adab, tidak guna. Kalau pelajaran tinggi pun, kalau akhlak tidak elok tak berguna. Ini kita berpelajaran tinggi, pendidikan tinggi, akhlak baik, canggih semua, baru dia

complete, barulah sempurna. Sebab itu saya percaya, ‘Kementerian Komunikasi dan Multimedia’ nanti, insya-Allah, kita yakin juga bukan sahaja dapat menjana dan melaksana segala agenda negara dalam bidang telekomunikasi dan multimedia tetapi satu hari nanti ianya juga akan menjadi model kepada negara-negara lain, negara-negara membangun yang lain, negara-negara Islam yang lain akan terus berkunjung ke negara kita, mempelajari bagaimana kita membangun negara kita dengan begitu hebat dan sekarang ini telah hampir menjurus ke arah itu.

Projek-projek besar telah hampir terlaksana, tinggal lagi kita menanti Lebu Raya Pantai Timur ke negeri saya, Kelantan, tidak tahulah sampai ke Besut atau Kelantan, yang akan dibina, lain-lain dah selesai. Kompleks pun dah selesai, Sukom pun dah tak lama lagi, Bukit Jalil cukup cantik, warisan bangsa kita, anak-anak kita nanti, orang tengok nanti, ini dipimpin oleh Islam, baru orang hormat pada Islam. Ini cakap sahaja, buat tidak. Kita tengok ini negara Islam, Malaysia. Tengok pembangunan yang dijalankan berdasarkan kepada cara kolektif di mana kita ada masyarakat majmuk, berbilang kaum, boleh duduk semeja, tidak berkelahi. Macam orang lain satu bangsa berkelahi, satu agama pun berkelahi. Kita di Malaysia tidak, cukup baik. Cuma UMNO dengan PAS sahaja, macam kucing. Kucing bila tengok makanan pun boleh berhenti, boleh rehat, boleh postpone kejar tikus dulu, tapi PAS dengan UMNO di Kelantan tidak ada. Makna kalau kucing, dia tengok tikus, dia kejar tikus, tapi boleh berhenti kelahi. Tapi di kalangan masyarakat berbilang kaum, saya tengok di dalam Barisan Nasional - menara sudah siap, tinggal hendak dirasmikan. Dulu orang kata macam-macam, sekarang cukup ramai orang pergi, saya pun tengok kagum. Di depan itu interlligent building, teknologi maklumatlah ini. Di depan ada swimming pool, ada masjid, kita tidak lupa masjid, cantik, kalau tidak percaya pergilah tengok. Orang sembahyang Jumaat penuh di situ, angin menderu-deru, dia punya landscape cukup cantik, atas itu orang berniaga di food court, penuh.

Jadi bermakna dulu kita kata apa bangunan tinggi, bila bangunan tinggi dia jadi tarikan, hari ini beribu orang datang. Saya cukup seronoklah, pertamanya tunjang kepada KLCC itu ada menara kubah masjid yang begitu cantik. Tempat

kita beribadah. Kemajuan kita kejar, ibadah tidak lupa. Dunia kita nak, akhirat kita nak. Dua-dua selamat.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan insya-Allah seperti yang saya katakan pada permulaan ucapan saya tadi, akta ini adalah satu titik permulaan untuk menyediakan rakyat, bukan sahaja menghadapi transformasi suatu peradaban baru tetapi bagi generasi yang akan datang, turun temurun. Maka dengan ini saya menyokong dan tahniah kepada kementerian. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang amat mustahak hingga terpegun kita mendengar Yang Berhormat Datuk Ibrahim membuat ucapan yang begitu panjang lebar. Saya takut Yang Berhormat lain tanya soalan lagi dia akan ada injury time yang lebih panjang. Walau bagaimanapun saya sangat tertarik dengan hujah-hujah dia, saya akan komen dan tolong tokok tambah di mana perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyokong akta yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan begitu baik dan terang dan saya turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri kerana saya tahu bukan senang nak gubal undang-undang. Lebih-lebih lagi bila undang-undang ini tidak ada model yang khusus di dunia. Kita hanya melihat undang-undang yang lain yang ada kaitan dan kena kumpulkan pakar-pakar untuk menyediakannya dan ini pada saya satu usaha yang amat membanggakan rakyat Malaysia. Lebih-lebih lagi bila kita mencatat sejarah, kita sambung catatan sejarah kita seperti mana kita tahu usaha gigih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sokongan Timbalan Perdana Menteri untuk mengenalkan MSC ke masyarakat dunia. Kali ini dunia menunggu, apa pula bentuk undang-undang yang hendak menentukan MSC dapat berjalan lancar.

Saya, baru-baru ini keluar negeri dan saya rasa boleh rakamkan dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa seluruh dunia kagum, dunia barat

kagum tapi agak iri hati. Kerana iri hati inilah mereka membuat sesuatu di antaranya mengakibatkan kegawatan ekonomi.

Jiran kita yang dikatakan canggih dalam bidang ini pun turut kagum dan asyik melihat apa yang berlaku di Malaysia. Kerana kekaguman itulah melukakan lagi hati sanubari mereka sehingga terfikir buat perkara seperti Datuk Ibrahim Ali sebut. Ini sebenarnya, apa yang tersirat di dalam hati jiran kita. Oleh kerana itu, saya rasa inilah masanya kita patut bersatu menyokong Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri /Timbalan Perdana Menteri untuk menentukan projek besar yang telah diterima oleh dunia akan berjaya, menyakitkan lagi hati jiran kita ini, kerana inilah yang kita boleh buat. Kalau kita dah ada peluang buat, dunia melihat, kita sudah tidak takut lagi.

Tadi saya cakap dunia barat, dunia Islam juga telah menyebut. Dunia Islam melihat Dr. Mahathir seorang pemimpin Islam. Kita kagum, tidak ada pemimpin Islam yang boleh mempunyai pemikiran yang setajam dan sejauh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mereka kata nampaknya kita ada wang, kami tertarik dengan MSC, beritahu kami bagaimana kami hendak ambil bahagian di dalam MSC.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah peluang terbaik. Kalau sekiranya kita dapat ‘menjual’ menarik hati Pak-pak Arab di dunia Arab yang agaknya banyak duit dengan ongkas minyaknya, walaupun harga agak turun sedikit, tapi saya ingat tersimpan di mana-mana yang banyak boleh kita jadikan projek MSC dalam apa bentuk sekalipun sebagai bahan untuk menarik mereka ke Malaysia khususnya ke MSC dan membuat pelaburan-pelaburan tertentu dan merupakan tarikan modal yang akan mengerakkan lagi aktiviti ekonomi khususnya dalam bidang IKS, IT dan multimedia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebut tentang kehebatan Perdana Menteri khususnya dunia Islam melihat, saya teringat kalau tidak salah saya tahun lepas dalam perhimpunan Agung UMNO Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya menyebut tentang Koridor Raya Multimedia, lebih kurang beliau berkata “Kita wujudkan Koridor Raya Multimedia ini untuk menyediakan orang-orang Malaysia khususnya umat Islam untuk menghadapi

cabaran masa kini dan masa depan”. Oleh kerana itu beliau menyeru, seluruh rakyat untuk menyediakan ilmu dan kemahiran supaya dapat kita mengambil bahagian kerana kita telah letakkan prasarana dan segala-segalanya di MSC.

Jadi dengan kata-kata itu sebenarnya, kita kupas makna yang tersirat yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kalau kita melihat program-program yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menjayakan MSC, saya rasa *we are almost there*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus MSC ini. Saya rasa *they deserve a part of the back*, dengan izin, yang ingin saya rakamkan dalam Dewan yang mulia ini. Ini ialah apa yang dinamakan Multimedia Development Corporation (MDC), Perbadanan Pembangunan Multimedia yang dipengerusikan sendiri oleh Pengerusi Eksekutifnya yang saya boleh sebut, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Othman Yeop Abdullah dan keseluruhan jenteranya yang begitu kuat bekerja sampai tengah malam.

Saya ingin merakamkan ini kerana ini menunjukkan, dengan tunjuk ajar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, mereka ini mempunyai sesuatu kekuatan yang agak aneh, yang boleh dibanggakan, yang orang luar pun bangga. Mereka pindah ke Cyberjaya sebelum Cyberjaya sebenarnya bersedia, dan apabila semua kelengkapan sudah sedia termasuk ruang pejabat, ruang kediaman, hotel dan sebagainya, Mesyuarat International Advices Panel (IAP) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah diadakan di situ. Jadi ini pada saya kenyataan-kenyataan jelas menunjukkan bahawa kita mempunyai jentera yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meng*highlight*kan beberpa perkara selain daripada apa yang telah saya sebutkan tadi. Mungkin saya ingin tambah sedikit. Baru-baru ini pihak kerajaan pun sudah beri peruntukan RM600 juta untuk menentukan yang program MSC tetap jalan walaupun ekonomi gawat. Kita berharap kepada MDC supaya geran ini dapat dipergunakan dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk faedah Malaysia.

Perkara kedua yang saya hendak sebut ialah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim tadi tentang peluang penglibatan IT dalam pembangunan ummah. Tadi saya sudah sebut apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap kita kaitkan dengan ini dan orang-orang yang dalam bidang ini, kalau kita terus turut menimba ilmu dan mendapat kepakaran, insya-Allah, kita akan dapat sampai hajat pemimpin agung kita itu kerana dalam Islam, kita tahu semuanya tidak *permanent*, semuanya mesti ada akhirnya, tetapi yang akhirnya yang tetap ada di antaranya ialah ilmu yang boleh kita ambil faedah daripada orang lain, *knowledge*, saya tekankan ilmu. Oleh kerana itu ayat Al-Quran masuk yang pertama sekali, “iqra’”, bacalah, simbolik daripada bacalah itu, tuntutlah ilmu. Inilah yang Nabi Muhamad s.a.w. bersabda menyatakan “tuntutlah ilmu walaupun ke Negeri China” ataupun “tuntutlah ilmu walaupun ke liang lahad”. Liang lahad itu, mati, Tuan Yang di-Pertua. Bila mati, masuk bawah tanah. Saya dengar satu ucapan seorang guru agama menyebut dia kata dalam hidup, kita buat banglo banyak, tapi bila sampai mati, kita masuk lubang. Dalam hidup kita semua nak cari benda O.K., tapi jaga, jangan sampai jadi K.O. Saya rasa ini amat menarik sekali.

Jadi dalam usaha kita membangunkan ini, dua perkataan yang ingin saya sebutkan iaitu perlu waspada dan pintar. Kita berada dalam *environment*, dalam suasana yang pintar. Kita ingin mewujudkan *knowledge society*, dengan izin, masyarakat bermaklumat, masyarakat berilmu, masyarakat yang akan mempelajari semuanya di dunia ini, terdedah dan tidak ada sekatan lagi. Oleh kerana itu, di antara benda-benda yang saya akan bangkitkan ialah aspek waspada dan cadangan yang mungkin berunsur ke arah pintar, kalau tidak boleh dipintarkan oleh pegawai-pegawai kementerian sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang pengujudan *knowledge society*, tentang persediaan keseluruhan masyarakat ini. Betul, kita sudah ada kempen IT di peringkat kebangsaan dan digalakkan supaya kempen ini dijalankan di peringkat negeri, daerah dan sebagainya. Mungkin dalam bidang ini, kita patut juga renung kembali supaya ia dapat diperhebatkan lagi. Saya nampak kalau dibandingkan rentak irama perkembangan dunia IT dibandingkan dengan rentak irama pembelajaran dan penguasaan ilmu dalam IT tidak seimbang. Ketidakseimbangan

ini hendaklah diperhatikan sebagai satu *sign* waspada. Oleh kerana itu, mari kita perlebarakan hebat, mari kita membuat program-program yang melihat *segment* masyarakat yang berlainan, mari kita melihat para petani, penoreh getah dan pak cik, mak cik yang tak faham ini semua, bagi dia tahu, bercakap dengan bahasa yang senang, jangan bercakap tentang istilah-istilah yang susah yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim tadi. Umpamanya dia tak sebut *hardware* dan *software*. Ini perkara pokok dalam dunia IT.

Saya baru ini bercakap dalam satu perhimpunan, masyarakatnya adalah masyarakat biasa, saya kata, “sebenarnya senang sahaja, *hardware* benda keras, *software* benda lembut”. Kalau benda keras dan benda lembut, Tuan Yang di-Pertua, dicantumkan, ini akan menghasilkan sesuatu yang baik. Tetapi ianya hanya menghasilkan sesuatu yang baik sekiranya butang-butang ada di situ, dirabab dengan betul, ditekan biji yang betul dan jika biji yang betul ditekan, insya-Allah, keluarlah dia, apa yang dihajati. Itu bahasa yang saya gunakan dalam perhimpunan itu, bahasa dalam suasana yang lain sedikit, tetapi mesejnya itulah.

Tuan Yang di-Pertua, mesej saya di sini ialah kita cuba jadikan komunikasi senang. Tadi Datuk Haji Ibrahim sebut banyak orang pakai telefon, memang tepat, Mat Saleh pun terkejut tengok, mamak jual roti, berjalan tepi jalan, berhenti pakai *cellular* telefon. Dia kata “Wah!, Malaysia sudah hebat”. Sebenarnya, bila kita bercakap dengan orang kampung, itu sudah merupakan satu komputer. Bila kita bawa keluar dalam chip kecil, bila kita cerita benda dan tunjuk, barulah dia boleh bayangkan sedikit, dan saya rasa kempen yang *on the ground* yang menggunakan permulaan komunikasi dengan benda-benda yang dia faham, dia tahu. Umpamanya dalam masyarakat Islam, saya bercakap tentang cd-rom, saya cerita tentang al-Quran nul-Karim, sebab bila sebut Quran, orang boleh bayang, tebal ini, 6666 ayat, 30 juzuk, dan bila saya pegang satu cd-rom, kita beritahu pada orang kampung, katakan semuanya ada dalam ini, berbagai bahasa, ada makna, jadi dia lebih percaya. Ini mesej saya dari segi latihan, kemahiran dan kempen IT, sebab kalau banyak yang keluar dalam radio, TV, yang tinggi-tinggi, sasarannya ialah kumpulan yang memang sudah mengetahui, mungkin. Oleh kerana itu segmen

perpecahan kepada *target* sasaran kita hendaklah diperluaskan sehingga daripada bawah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah tentang infrastruktur komunikasi. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sebut, “saya tertarik dengan perkara ini kerana perkara ini amat mustahak”. Tetapi terbayang juga kepada saya tentang masyarakat yang patut kita beri tumpuan, masyarakat luar bandar. Kita mesti akui. Saya baru ini sahaja dalam satu perbincangan bersama ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kerajaan mengetahui beberapa masalah di luar bandar, di Selangor ini sendiri, ada tempat-tempat yang masih belum dapat *electricity*.

Ada tempat-tempat yang masih belum ada talian telefon. Pengumumannya mungkin sudah dibuat, pelaksanaannya masih tidak ada. Oleh kerana itu saya menyokong kuat dan menyokong benar dengan ikhlas langkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita umpamanya turun ke padang sekarang ini, fokus kepada projek-projek kecil, ini kita hendak tahu yang projek kecil tidak boleh, itu tidak boleh buat, ini tidak boleh buat, kenapa? Saya tahu banyak masalah tetapi kalau sudah ada persefahaman dan keprihatinan yang lebih, saya rasa inilah masanya untuk digemblengkan segala tenaga supaya perkara-perkara ini berlaku.

Oleh kerana itu saya berseru kepada kementerian yang berkenaan tolonglah perhati, arahan daripada atas sudah ada dan sekarang saya sebagai ahli Dewan yang mulia ini juga mengingatkan kementerian supaya memberi fokus. Saya tahu tidak boleh buat semua tetapi marilah kita mengikut urutan keutamaan yang selalu disebut. Saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini yang disebut oleh Dr. Yusof R. Qardhawi tentang urutan keutamaan.

Kalau ada seribu benda yang terbengkalai pilih seratus. Kalau seratus ini dibahagikan kepada sepuluh negeri sudah sepuluh negeri dapat. Pecah-pecahkan begitu tentukan yang ada kita tetap ada success story within the short period dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita perlu peringatkan ini supaya rakyat menyedari bahawa terdapat keseimbangan kesungguhan dan kebulatan fikiran di pihak kerajaan sendiri. Kalau tidak mereka bercakap di belakang, “Ah,

apa cakap IT, apa cakap yang canggih-canggih tempat aku api pun tidak ada. Apa yang canggih-canggih tempat aku telefon pun tidak ada.” Orang kampung pernah menyatakan bahawa bila keluar laporan Syarikat Telekom Malaysia dengan izin saya sebut, membuat hampir RM2 bilion untung. Dengan pemikiran senang orang kampung mengatakan mengapakah tidak mereka patut buat yang hampir RM2 bilion, RM500 juta umpamanya atau beberapa juta sahajalah, dijadikan satu program sosial yang khusus. Betul dia tidak ada viability-nya yang biasa tetapi mana ada program sosial untuk rakyat yang betul-betul dapat dinilai dan diukur mengikut formula viability business. Saya rasa kerajaan patut memberi tumpuan kepada hal ini dengan lebih hebat lagi.

Saya tidak mengatakan kita tidak peduli saya kata kita cuba perhati lebih hebat lagi supaya ada keseimbangan di antara projek-projek lain yang hendak kita lakukan. Alhamdulillah kita melihat begitu rancak sekarang ini kedua-dua pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita berharap, kita berseru kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana kalau mereka ini sahaja rancak, kerancangan mereka itu hendaklah disambut dengan rancaknya juga. Kalau gendang tarian, tarian ini contoh yang tidak baik tidak apalah tarian pun bolehlah, tarian Melayu asli, zapin umpamanya (yang arab sedikit), zapin yang rancak tidak boleh kita lanjutkan tidak boleh kita sambut dengan lagu lemah longlai, lagu asli umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua perkara lain yang hendak saya sebutkan di sini ialah tentang isu keselamatan. Isu keselamatan ini memang menjadi isu yang rumit yang besar dalam dunia IT. Mereka mengakui, tetapi yang saya hendak menekankan di sini ialah mengenai isu keselamatan negara itu sendiri.

Saya mengikut kajian yang telah saya buat source yang boleh diterima, katanya sekarang ini sudah ada satu bentuk software melalui Internet yang dinamakan dengan izin sniper technology yang boleh mendapat maklumat daripada pengguna lain tanpa orang lain tahu. Dia boleh mendapat maklumat daripada rakan saya sahabat saya Datuk Aziz umpamanya kalau dia ada PC di rumah tanpa Datuk Aziz tahu, ini sudah bahaya.

Bayangkan maklumat-maklumat tentang negara dibuat begitu. Bila saya dapat maklumat ini, saya terbayang satu buku lain yang saya baca mengenai bidang ini mengatakan dalam abad ke-21 peperangan tidak lagi melalui plane, jet, atom, bom dan sebagainya yang Pakistan, India berkelahi pun akan tidak berlaku lagi. Sebab peperangan sebenarnya ialah peperangan hanya dengan tekan beberapa biji butang yang saya katakan tadi. Hanya dengan perkongsian rapat yang intim diantara hardware yang keras dan software yang lembut. Itu dia peperangan dan bila saya dengar tentang cerita ini terbayanglah saya kemungkinan yang sudah berlaku.

Mesejnya Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak yang berkenaan umpamanya pihak MDC sendiri mungkin akan dapat menjalankan projek supaya kita mewujudkan software buatan Malaysia sendiri yang boleh kita tandingi ini kita jadi juara lagi. Dan berbangkit dengan itu saya ingin bawa kepada bab keselamatan lain, bab Internet banyak diperkatakan tetapi baru-baru ini saya difahamkan Al-Quran itu sendiri telah dimasukkan dalam America Online satu website yang amat popular di Amerika yang hanya setanding dengan majalah-majalah *Times*, CNN dan sebagainya. Walaupun ianya baru, begitu berjaya sekali dan ini telah dipertikaikan. Ayat Quran ditulis dalam bentuk yang salah, ertinya ajaran sesat. Dan soalnya bila kita baca akhbar di luar negara saya minta rakan-rakan 'pak Arab' ini tolong buat translation - terjemahan kita dapati bahawa kata mereka apa boleh buat this is technology, dengan izin.

Oleh kerana itu, saya nampak kalau inilah yang berlaku saya rasa MSC inilah tempat yang terbaik sekali untuk kita mengadakan sesuatu projek

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan .

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang hal keselamatan dan bagaimana teknologi Internet

Tuan Yang di-Pertua: Dengar juga tadi. [*Ketawa*].

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya.. ya.. terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Tuan Yang di-Pertua hanya berehat. Rupanya kerja pun kuat. Contoh teladan yang baik.

Jadi, okey tadi kita sudah bayangkan bagaimana hebat kekuatannya kita sudah ada itu ada ini, sekarang patut kita orang Islam tunjukkan kebolehan kita, kebolehan kepimpinan kita sudah ada, kebolehan ilmu sudah ada, kebolehan semua sudah ada. Inilah opportunitynya, inilah peluangnya dan Arab ini yang mengikut yang saya faham kalau dia sudah berkenan masya-Allah dia berdakap berpeluk selalu Tuan Yang di-Pertua, dan bila berdakap dan berpeluk selalu ertinya kalau kita boleh buktikan bahawa kita boleh buat insya-Allah mereka akan mengikut program-program kita.

Dan bayangkan umpamanya apa yang saya tahu OIC dengan izin, Organisation of Islamic Countries mempunyai ahli dari sebanyak 52 negara. Dan mereka ini masih di takuk zero/minus bukan takuk zero lagi, minus dalam bidang IT. Bayangkan bagaimana potensi pasaran yang akan kita ada kerana kesedaran di pihak dunia ini sudah ada. Saya berani buktikan bahawa kesedaran ini ada sebab saya mempunyai maklumat mengatakan bahawa dalam satu persidangan yang akan diadakan di Afrika pada hujung tahun ini tema persidangan mereka itu ialah *Persediaan Ummah Dalam Bidang Teknologi Menjelang Abad Ke 21*. Nah tepat sekali Tuan Yang di -Pertua, peluang sudah ada seperti kata pepatah Melayu “Timun di tangan anda pisau di tangan anda potong sahaja belah sahaja, apa yang hendak.” Itu dia senario yang ingin saya gambarkan.

Jadi saya berbalik kepada Al-Quran saya hendak simpulkan, kalau kita sudah ada kemahiran begini bolehlah kita wujudkan bidang penerbitan media sama ada cetak ataupun elektronik untuk menentang kuasa-kuasa barat ini.

Ini mesej saya, sebab kalau kita tidak buat begini, tak akan berlaku apa-apa, kita hanya sama dengan kumpulan Arab yang hanya melihat. Dalam Dewan yang mulia ini saya pernah bercakap Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta BERNAMA kalau tak salah saya, saya menyatakan BERNAMA patut dilihat sebagai satu kilang untuk mengeluarkan maklumat. Saya ulangkan di sini, kita patut wujudkan kilang penuh dengan PC-C, penuh anggota-anggota yang berilmu dan mahir dalam bidang IT ini supaya mereka ini mengeluarkan, menggunakan perisian kita sendiri. Mengeluarkan produk kita sendiri supaya dapat kita menghebahkan, mendakwahkan apa sahaja yang kita hendak dakwahkan.

Saya bercakap aspek dakwah, tapi aspek ekonomi ada, aspek pendidikan ada dan lain-lain aspek semua ada. Dan kalau kita sudah ke hadapan dari segi ini, kita boleh kaitkan pula dengan usaha kerajaan yang baik untuk menjadikan Malaysia sebagai 'centre of excellent' dengan izin, sebagai pusat kecemerlangan. Orang lebih percaya kepada kita, orang kata "Wah Malaysia eloklah menjadi tempat kita pergi belajar, sebab mereka begitu hebat, begitu berjaya, begitu ke hadapan dalam bidang MSC". Bagaimana boleh kita semua terlatih di Amerika, di UK, Australia dan New Zealand dahulu kerana kita telah didakwahkan, ditiupkan bahawa tempat 'Mat Saleh' semuanya baik. Tetapi kita semua telah melalui, tak semuanya baik, ada juga yang tak baik. Mereka pun taklah sehebat mana, ada yang kita juga hebat. Inilah kekuatan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan keyakinan kepada rakyat Malaysia, bahawa kita setanding dengan orang lain. Saya rasa produk atau vehicle yang terbaik untuk kita membuktikan itu ialah produk MSC. Oleh kerana itulah sekalung bunga kepada Timbalan Menteri kerana menyampaikan dengan begitu jelas Akta ini dan patut kita laksanakan dengan baik, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah tentang bidang R&D (Research and Development) atau Penyelidikan dan Pembangunan. Saya tahu perkara ini telah diumumkan oleh pihak kerajaan, saya ucap tahniah. Dahulunya di dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang ini dibuat sedikit perubahan untuk diagihkan dan diminta pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) sendiri untuk menguruskan pelbagai bidang. Di antara yang terakhir saya terbaca dalam akhbar ialah belum banyak syarikat yang mengambil peluang ini. Saya rasa dalam keadaan begini mungkin inilah masanya, dan ini bukan perkara baru, sudah lama saya difahamkan dari pihak kementerian bahawa ada research grant yang besar. Tetapi tak diambil, tak dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat. Saya pun kadang-kadang termenung juga, saya memikirkan mungkin inilah peluangnya untuk kita membuat sesuatu anjakan paradigma. Dari segi cara kita melihat projek-projek yang hendak diberi bantuan untuk penyelidikan dan pembangunan ini. Dan caranya ialah dengan mengambil model 'venture capitalist' dengan izin. Kalau dulu traditional banking, mengikut tradisi

bank bila hendak memberi pinjaman, kita kena ada security, kena itu, ini biasalah, tetapi sekarang kalau mengikut model 'venture capitalist' idea itu sendiri boleh dapat diterima.

Oleh kerana itu saya rasa kita longgarkan sedikit. The requirement untuk peruntukan research grant ini longgarkan sedikit sebagai galakkan, sebab inilah elemen venture capatalisnya itu. Saya rasa oleh kerana kita mempunyai perancangan besar, wawasannya besar dan potensi pasaran pun besar, rakyat dunia telah melihat, menerima, mengapa tidak kita perhebatkan, perlonggarkan sedikit insya-Allah. Saya tahu ramai, beratus-ratus syarikat kecil yang sedang berikhtiar, apa yang kita hendak ialah kita organise dan memberi galakkan-galakan yang lebih. Cuma kadang-kadang syarikat ini perlu dibimbing sedikit. Itu point saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah tentang perlindungan pengguna. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun ada sebut tentang perlindungan pengguna. Saya ucap tahniah, kerana dalam kecanggihan kita menyampaikan akta yang begitu moden, kita tak lupa kepada pengguna. Saya harap pengguna dapat appreciate, dapat menerima ini sebagai sesuatu yang baik. Cuma yang ingin saya bangkitkan di sini ialah kita hendak melihat dari semua aspek, dari segi pencerobohan undang-undang atas hak individu, itu satu bab, tetapi hendaklah juga melihat dari segi aspek perlindungan atas akhlak pengguna itu sendiri. Yang kita sebutkan ialah dari segi urusan niaga di antara pembekal, orang tengah dan pengguna. Saya ingat aspek ini oleh kerana dunia IT mempunyai keunikannya tersendiri, jadi cara hendak mengawal, menjaga dan sebagainya pun memerlukan pemerhatian yang berat.

Saya tahu perkara ini berat dan oleh kerana berat itulah saya rasa kita patut beri lebih tumpuan supaya apa yang kita sebut dalam Akta betul-betul terjadi, pengguna dilindungi bukan hanya sekadar menyedapkan, melengkapkan dari segi penyediaan persembahan Akta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya sebutkan ialah tentang penjagaan standard khidmat industri IT ataupun dari segi piawaian. Kita tahu syarikat-syarikat sekarang, atau orang-orang hendak memohon kerja, bila memohon dia kata dia boleh menggunakan PC, dengan menggunakan software ini,

ini dan sebagainya. Tetapi kita tengok 1000 orang, semua orang mengaku dia boleh mengguna software itu. Tidak ada satu standard yang menyatakan dia memang boleh pakai setakat yang boleh, samalah dengan, umpamanya saya beri contoh, kadang-kadang kita ada satu set recorder di rumah, kadang dia tak boleh hendak guna timernya, dia tak pernah pakai pun. Jadi dia kata “Aku ada video tape”, “Boleh tape tak? “Boleh”. “Jadi bila awak hendak pergi makan, bolehlah tape? “Tak boleh. Sebab aku hanya boleh pakai tape, kalau aku ada di rumah”. Ini maksud saya.

Jadi apa yang hendak saya katakan ialah, kita mungkin patut ada nasional standard, untuk pengguna IT, pengguna PC ini. Kalau kita hendak bawa kereta kita kena pergi belajar dulu di sekolah, Sekolah Memandu. Anak saya pergi sekolah belajar begitu begini, pergi test dapat lesen, lesen itu diiktiraf sebagai satu standard. Dan oleh kerana lesen kita diterima sekurang-kurangnya di banyak negara, kita boleh pakai untuk bawa kereta di luar negara. Jadi dalam penggunaan PC ini pun saya rasa kita patut lebih dahulu daripada orang lain supaya mengadakan ini bagilah nama apapun supaya ini dijadikan sebagai lambang kita. Kita ada juga special/lesen khas untuk dapat diterimapakai oleh semua. Jadi bila 100 majikan tengok, kalau dia ada itu, ini memang betul boleh guna PC. Kalau tidak macam orang mengaku boleh bawa kereta. Kita hendak beri pinjam kereta, boleh bawa tak boleh. Bila pegang dia baru hendak cari yang mana gear dan yang mana ini dan sebagainya, kerana dia baru hendak cuba.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak payahlah menghuraikan dengan panjang lebar, mengapa kita hendakkan standard ini, kerana umum mengetahui kita tahu standard oleh SIRIM, yang dipelopori ISO 9000, standard dari segi Alam Sekitar 14000 dan sebagainya. Jadi kita panggillah apa pun dalam bidang IT ini.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak tekankan ialah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengenai ekonomi teknikal dan sosial. Saya amat tertarik tentang bidang ini kerana beliau cakap tentang ekonomi, perlesenan teknikalnya ialah gerakan persaingan dan sebagainya, dan saya ingin tumpukan pada bidang sosial, di mana menyebutkan tentang nilai dan budaya. Inilah yang saya hendak tekankan. Saya tertarik apa yang

disebut oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim tadi, beliau sebut juga sepintas lalu tentang nilai.

Saya hendak beri pengkhususan, kalau kita bercakap tentang soal sosial, nilai dan budaya telah ditekan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menyampaikan Akta. Saya mengajak dan menyeru, saya mencadangkan supaya diberi pengkhususan khas melihat kepada aspek sosial kerana mungkin melalui IT kita boleh dapat menyelesaikan masalah gejala sosial yang hebat di Malaysia ini, kita juga 'juara' dalam bidang gejala sosial ini. Oleh kerana itu kita mesti menggunakan 'juara' lain untuk menghapuskan 'juara' gejala sosial ini. Maksud saya kalaulah diberi galakan yang betul supaya syarikat-syarikat perisian ini dapat menyediakan perisian yang mempunyai nilai yang baik mengikut masyarakat Islam. Kalau permainan, mesti permainan yang berlandaskan Islam, tak semestinya direct, tak semestinya indirect. Tidaklah seperti sekarang ini, kalau tengok permainan ini, cuba bayangkan sembilan daripada sepuluh, saya ingat hampir sepuluh semuanya kisah excitement tentang peperangan, pembunuhan, keganasan dan sebagainya.

Mungkin kita kata sekarang tak ada, tak apalah tak ada, tetapi kalau kita biarkan begitu, lagi banyak, lagi canggih multimediana dan lagi tertarik kanak-kanak kepada program-program ini. Sebenarnya program-program inilah yang merosakkan keseluruhan jiwa, hati, sanubari manusia.

Dalam Islam kita tiupkan azan, ayat-ayat suci Al-Quran sejak dari kecil. Kita katakan cara terbaik untuk melawan Internet ialah penahanan diri sendiri, individu lengkapkan diri dengan ilmu Islam, insya-Allah kita boleh buat tetapi dalam masa kita melengkapkan diri sedikit demi sedikit tiba-tiba ada pula yang lebih hebat merosakkan, kita tidak akan ke mana. The plus and minus, perseimbangan lagi hendaklah wujud.

Saya membangkitkan hal ini sebagai contoh pihak MDC boleh menjalankan satu projek besar dengan agak teratur dijadikan projek khas untuk membangun ke arah ini. Jadi it becomes a national project, kadang-kadang bila ada nasional projek, syarikat-syarikat kecil ingin mengambil bahagian. Lebih-lebih lagi projek itu dibuat secara bersepadu, ertinya, kewangannya ditolong, teknikalnya ditolong, dan sebagainya. Dan saya rasa pihak MDC sendiri setakat yang saya faham mempunyai badan yang khusus yang baru diwujudkan dipanggil MDC Access dalam bentuk ini. Saya percaya bidang-bidang ini akan dilihat oleh mereka. Tetapi, biarlah benda-benda ini dapat dirasai oleh syarikat-syarikat keseluruhannya. Lebih-lebih lagi saya dari Selangor, saya tak hadir dalam Dewan dua hari ini,

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, saya di Port Dickson, macam yang saya telah beri maklum secara resmi bersama-sama dengan rakan-rakan politik dan pegawai tinggi kerajaan, di antara yang telah dibangkitkan ialah tentang penglibatan hebat rakyat Selangor di dalam Koridor Raya Multimedia ini. Jadi, saya rasa kalau ada projek-projek yang begini, dapat di'organisedkan', it's got to be organised, dengan izin, saya ingat perkara ini insya-Allah, akan dapat dicapai.

Pada saya kita ada semua, yang kita hendak, kita ada intipati raw material atau bahan mentah, yang kita hendak dan yang diperlukan ialah a master plan, plus strategic plan untuk mengimplementasikannya mengikut hala tuju yang hendak kita tuju. Kalau ini dapat kita buat, dengan kekuatan yang kita ada di MDC, dengan kekuatan yang kita ada di kementerian-kementerian yang lain termasuk Kementerian Tenaga, Telekom, dan Pos dan kemudahan-kemudahan kewangan yang diberi oleh kerajaan sekarang ini, pada saya inilah peluangnya yang dapat kita wujudkan projek A integrated, projek B, integrated projek C, integrated akan dimanfaatkan dengan banyak oleh syarikat kecil. Cara inilah apa yang Dr. Mahathir cakap kita create economic activities, dengan izin, dengan secara berkesan. Jadi, setakat itu saya mengambil bahagian Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan lagi sekali saya pohon menyokong.

5.45 ptg.

Puan Kamalia bt. Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan apa yang saya anggap sebagai salah satu Rang Undang-Undang millennium yang akan datang yang begitu penting sekali, seperti dikatakan oleh rakan-rakan saya sebelum ini akan menentukan arah tuju dan juga bentuk budaya hidup kita nanti, terutamanya kepada generasi akan datang kerana apa yang akan berlaku ialah akan wujudnya satu budaya digital yang dapat sama ada kita suka atau tidak suka akan perlu kita lalui dan budaya digital inilah yang akan menentukan bagaimanakah senario yang akan datang, yang akan menjadi satu web/era dunia digital dan kita rasa bangga dan izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri kita yang telah begitu berpandangan jauh meletakkan kita sama taraf setapak lagi bersama dengan negara-negara lain dalam dunia digital yang akan datang dan kini juga telah mula kita dapat lihat dan saya juga ingin mengambil petikan daripad *Times* magazine dalam bulan September tahun 1996 yang mana dalam rencana *World Watch* Malaysia telah masuk dalam peta *World Watch* yang mengatakan dari Sardinia ke Malaysia, computer technology adalah diinundate atau dilalui oleh planet bytes and PCs, Kita berbangga juga dalam *World Watch* ini kita agak berbeza daripada yang lain, kerana kita menawarkan diri kita sebagai sebuah negara yang mempunyai kawasan seluas 30 mile, atau 30 mile Multimedia Super Corridor dengan bangunan yang tertinggi di dunia, dan juga mempunyai satu pusat pentadbiran yang bernama Putrajaya dan di sini juga kita telah menawarkan negara kita untuk mendapatkan syarikat-syarikat komputer yang besar, seperti Microsoft dan IBM untuk sama-sama membangunkan Multimedia Super Corridor dengan kita menawarkan tax exemptions, dengan low labor cost dan juga a fat internet pipeline.

`Kita berbeza daripada negara lain kerana kita melihatkan pentingnya Multimedia Super Corridor ini bukan hanya sebagai satu perkembangan teknologi, tetapi juga merupakan satu

sumber pendapatan ekonomi negara. Kita melihatnya sebagai satu industri yang boleh membangkitkan pembangunan teknologi dan juga pada masa yang sama memberikan kita pendapatan dan juga memberikan pada kita satu peluang yang begitu luas dan terbuka untuk menjadi satu pusat server kepada satu region yang begitu luas di Asia. Kita lihat di sini, negara-negara yang di sekeliling kita, seperti Singapura, Indonesia dan juga di selatan kita Australia juga nanti akan memerlukan perkhidmatan dari MSC kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu sekali pentingnya akta ini atau rang undang-undang ini akan menjadi akta yang tentu sekali merupakan satu komitmen kerajaan untuk memberitahu dunia bahawa kita benar-benar serius menawarkan diri sebagai satu center atau pusat MSC dan kita juga menyatakan dengan terus terang bahawa kita tidak akan memberikan apa-apa peruntukan untuk mengadakan penapisan Internet. Ini bermakna tidak akan ada interception dan ini juga bermakna bahawa kita mewujudkan perlindungan kepada mereka yang akan melabur di negara kita.

Tentu sekalilah kalau kita lihat daripada ini bahawa pentingnya akta ini yang juga tadi seperti mana yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Ghazi bahawa kita telah dapat menunjukkan kepada dunia kita dapat membentuk dan menggubal satu undang-undang seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi undang-undang yang terulung di dunia yang dapat merangkumi semua aspek multimedia dan komunikasi. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi tahniah dan kita berharap bahawa apa yang dijalankan dan dirancang oleh kerajaan akan terus dapat sokongan dan juga pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, senario yang wujud kini adalah merupakan satu senario yang agak baru yang mungkin pada ramai antara kita di semua lapisan masyarakat tidak dapat sebenarnya menghayati apakah yang akan kita lalui nanti. Mungkin ramai ada mendengar tentang MSC, mungkin ada yang mendengar tentang smart school, mungkin ada mendengar tentang Teleperubatan dan mungkin juga ada mendengar tentang E-commerce. Tetapi pada hakikat dan umumnya saya berpendapat bahawa rakyat negara ini masih tidak mempunyai kesedaran yang mencukupi untuk membolehkan semua yang akan terlibat mendapat manfaat yang sepenuhnya. Jika tidak sebagai mereka yang terlibat secara langsung tetapi sebagai pengguna yang benar-benar dapat memanfaatkan MSC nanti.

Jadi, saya ingin mencadangkan memandangkan pentingnya senario ini diberikan penjelasan yang secukupnya, pihak kementerian hendaklah memberikan gambaran dan kesedaran tentang apa yang akan kita hadapi nanti bagi semua lapisan masyarakat. Kita tidak mahulah wujudnya satu gap yang begitu luas di antara mereka yang tahu dengan mereka yang tidak tahu. Saya rasa hanya dengan lagu-lagu dalam TV dan radio itu tidak mencukupi. Mungkin perlu kita kembangkan dengan maklumat-maklumat dan juga dengan tayangan-tayangan gambar di televisyen terutamanya mengenai senario yang akan kita hadapi nanti. Jika tidak nanti kita akan dapati ada satu ruang yang begitu luas di antara mereka yang mengetahui dengan tidak mengetahui. Sebab kita juga perlu melihat bahawa impak daripada wujudnya MSC nanti tidak perlu hanya terkongkong kepada 30 batu Multimedia Supper Corridor yang wujud di Klang Valley, tetapi juga perlulah kita dapati bahawa ianya lebih menyeluruh.

Saya lihat bahawa salah satu daripada impak kepada pembangunan MSC ini ialah akan berubahnya budaya dan cara hidup rakyat negara ini. Seperti mana yang dikatakan oleh rakan saya juga Senator Datuk Ibrahim tadi bahawa ianya akan merupakan satu ketamadunan yang akan kita lalui masa depan, dan dapat kita lihat impak itu dari segi politik, sosial dan ekonomi. Kalau dari segi politik yang disebut juga mungkin dari segi bagaimanakah pengamalan prinsip-prinsip demokrasi yang akan diadakan. Berkemungkinan nanti Parlimen tidak lagi duduk di bangunan Parlimen untuk bersidang, tetapi mungkin secara teleconferency, dan mungkin juga komunikasi yang lebih terbuka akan dilaksanakan di antara pemilih dengan wakil rakyat. Mungkin komunikasi itu akan lebih secara terus dan juga informasi tidak lagi dapat kita halang daripada apa yang akan mereka ketahui.

Begitu juga dari segi sosialnya, budaya dan cara hidup, dan dari segi ekonominya ianya akan terus memberi impak yang akan begitu ketara kepada pendapatan. Ada dikatakan dalam web era ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the barrier to success is no longer money, is creativity, execution and speed. Jadi, begitulah akan berubahnya cara dan budaya dalam hidup kita nanti. Kita mungkin akan terperanjat jikalau kita tidak mempunyai persediaan.

Oleh itu, saya ingin juga mencadangkan bahawa persediaan dari segi beberapa perkara perlu juga dibuat oleh pihak kementerian. Pertamanya, seperti saya katakan tadi dari segi kesedaran, dari segi perubahan mind set ataupun pemikiran perlunya ada perubahan paradigma yang lebih ketara. Perlunya ada lebih kempen untuk kita sama-sama dapat bergerak menuju kepada alaf 21 nanti.

Saya juga ingin mencadangkan persediaan tentang millennium bug-Y2K yang kita didapati mengikut berita-berita dalam surat khabar masih lagi belum diatasi, bukan sahaja di negara ini, tetapi kalau kita baca majalah-majalah lain di Amerika sekali pun masih lagi banyak syarikat atau pengguna yang akan terlibat dengan millennium bug-Y2K ini tidak mengambil tindakan sewajarnya. Kita tahu bahawa Y2K ini adalah satu perkara yang sangat penting, kerana mungkin nanti banyak sistem yang akan terlibat. Kalau di Amerika mungkin hospital-hospital akan menjadi mangsa, kematian akan bertambah dan juga sistem-sistem lain yang akan melibatkan cara hidup mereka. Kita juga banyak menggunakan komputer, contohnya untuk mendapatkan wang daripada cash machine ataupun foodline di supermarket dan juga supply of electricity and water dan sebagainya.

Jadi, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tindakan-tindakan yang diambil dalam persediaan kita untuk multimedia dan sebagainya, apakah yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah Y2K.

Saya juga ingin mendapat penjelasan bahawa antara satu perkara yang juga sangat penting ialah dari segi kewangan. Apakah persediaan kewangan kita sudah mencukupi dan daripada apa yang telah dibentangkan oleh MTEN ada beberapa perkara yang disentuh tentang infrastruktur yang mungkin juga termasuk tentang multimedia. Tetapi mungkin pihak kementerian dapat memberi penjelasan yang lebih jelas, kerana kita mahu tahu bahawa rancangan kita itu akan berjalan dengan baik dan lancar. Seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Ghazi tadi kita hendakkan satu agenda yang terperinci terutamanya jikalau kita telah menyiar dalam akhbar dan juga kepada dunia tentang hasrat kita, tentu sekalilah kita mahukan kejayaan dan persediaan yang cukup.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa dari segi nilai seperti mana juga yang dikatakan oleh Dato' Ghazi tadi adalah merupakan satu persediaan yang penting. Kita tahu dengan adanya penggunaan teknologi, dengan adanya kecanggihan mesin yang tidak dapat dikawal seperti Internet – walaupun ada kontrol-kontrol yang boleh kita gunakan tetapi lebih daripada kontrol kita tahu banyak perkara yang akan menyentuh nilai budaya dan agama akan dapat menembusi bukan sahaja di jalan-jalan tetapi terus ke rumah-rumah dan kita tahu anak-anak kita sekarang ini telah pun membudayakan budaya komputer. Kalau mereka tidak ada buat apa-apa mereka akan hanya duduk di depan komputer dan kita tahu apabila berdepan dengan komputer, maka Internet akan terbuka dan pelbagai cerita dan informasi akan diperolehi oleh mereka.

Jadi, apakah persediaan kita bagi memastikan nilai-nilai budaya kita akan dapat terus diperkukuhkan. Bagaimanakah pula kita dapat meng'counter' apa-apa maklumat yang negatif di dalam Internet. Apakah kementerian juga membuat persediaan untuk memastikan di dalam Internet itu terdapatnya informasi-informasi yang sepatutnya wujud, yang sepatutnya memupuk nilai-nilai yang murni dan dapat memberi informasi yang baik bukan sahaja mengenai nilai budaya, cara hidup, agama tetapi juga dari segi politik dan juga dari segi sosial dan ekonomi kerana maklumat-maklumat ini penting. Kalau saya tidak silap semasa saya menjelajah Internet untuk mendapat maklumat dari Malaysia, agak kurang maklumat-maklumat yang kita perolehi daripada Internet. Apakah pihak kementerian berusaha dengan kementerian-kementerian yang lain untuk dapat memasukkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk sama-sama bukan sahaja mungkin dari segi kesedaran tetapi yang lebih penting memupuk nilai-nilai murni dan juga untuk memastikan semangat patriotisme dan nasionalisme terus diperkekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan dari aspek persediaan kita ini kita perlu melihat juga kepada penyelidikan – ini juga telah disebut oleh Dato' Ghazi tadi – R&D kerana saya berpendapat bahawa dalam kita hendak melaksanakan MSC ini dan juga dalam kita berhadapan dengan dunia digital ini, perlulah kita juga membuat satu penyelidikan – penyelidikan dan pembangunan dari segi impact digital technology dan Internet ini kepada masyarakat keseluruhannya. Kami pernah berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen dari Germany yang menjalankan penyelidikan tentang impak sosial dan ekonomi daripada pembangunan teknologi dan multimedia kepada rakyatnya. Jadi, sekali lagi ini juga merupakan sesuatu yang penting kerana kita perlu memastikan bahawa tidak akan wujud 'a big gap between' mereka yang tahu dengan mereka yang tidak tahu kerana ini juga boleh membawa kepada perkara-perkara yang tidak baik dan juga boleh menimbulkan sosial 'unrest to a certain extend.' Jadi, kita tahu bahawa di kampung-kampung masih ramai lagi yang tidak tahu dan tidak pernah melihat komputer. Masih ramai lagi anak-anak generasi kita yang akan hidup dalam dunia digital ini yang masih lagi 'computer illiterate' dan ini adalah perkara yang serius kerana kalau di Germany sekalipun mereka juga mempunyai masalah mengenai penyeluruhan kepada impak teknologi, saya percaya kita juga lebih menghadapi masalah lebih besar. Ini tidak bermakna saya mencadangkan bahawa semua lapisan masyarakat perlu jadi computer literate tetapi sekurang-kurangnya janganlah kita wujudkan gap yang sebegitu luas sehingga kita dapati bahawa ramai di antara kita akan merasa deprive atau alienated dan ini tidak akan memberi galakan kepada apa yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang peruntukan undang-undang yang telah dibentangkan. Kita akan dapati bahawa undang-undang ini telah diwujudkan – seperti saya katakan tadi untuk menunjukkan komitmen negara selain daripada kita melihat kepada kita menentukan satu infrastruktur dan satu mekanisme untuk membolehkan pelaksanaan komunikasi dan multimedia yang akan kita laksanakan dan kita lihat di sini bahawa diwujudkan Menteri seperti juga dalam keadaan-keadaan lain untuk menerajui mekanisme atau jentera pelaksanaan MSC ini atau komunikasi dan multimedia industri ini. Menteri juga diberi kuasa yang luas untuk memberitahu bahawa keadaan dalam kerajaan dalam usaha-usahanya membangunkan multimedia dan komunikasi ini memberikan kuasa yang begitu luas dan juga memberikan peluang yang begitu luas kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang akan datang memberi penglibatan di dalam bidang ini.

Antaranya ialah bahawa Fasal 8 iaitu Menteri boleh meminda segala undang-undang dan juga peraturan untuk mengubahsuai keadaan untuk membolehkan pembangunan multimedia ini. Kita dapati Menteri juga mempunyai kuasa dalam menentukan siapakah yang akan mendapat lesen bagi memulakan industri ini di dalam negara ini dan kita dapati bahawa kuasa ini adalah kuasa mutlak dan kuasa ini diberi sedemikian rupa untuk dapat kita melihatkan bahawa komitmen itu memang ada dan kelonggaran serta kelunturan itu memang ada yang memang sesuai untuk membangunkan industri ini. Walau bagaimanapun, ingin saya mencadangkan bahawa peraturan-peraturan perlulah diwujudkan sebagai garis panduan untuk memastikan bahawa kuasa ini benar-benar mendapat ketelusan daripada pelaksanaannya.

Kita tahu ada garis panduan yang telah ditetapkan di Bahagian 1 mengenai kuasa Menteri tetapi kita juga banyak telah memperkatakan tentang ketelusan. Kita juga telah banyak pengalaman yang dapat dilihat daripada kementerian-kementerian lain dan juga daripada badan-badan korporat lain yang telah menunjukkan bahawa ketelusan itu kadangkala tidak dapat dilihat dan ini telah membawa kepada keputusan-keputusan yang membawa kepada perkara-perkara yang tidak menggalakkan kepada pertumbuhan sesuatu industri itu dan sebaliknya tidak dapat mencapai objektif-objektif yang dinyatakan.

Sekarang kita perlu faham bahawa kalau kita dalam perkembangan digital ini perlu adanya ketelusan kerana informasi melalui komputer dan teknologi ini akan menembusi segala jenis batasan, segala jenis halangan, jadi adalah wajar ketelusan itu jika boleh dapat dibuat dengan sebaik mungkin dan dengan piawai yang setinggi mungkin. Saya tahu juga bahawa kita ada wujudkan tribunal dan juga suruhanjaya yang juga merupakan jentera-jentera yang membantu di dalam pelaksanaan akta ini dan kita dapati bahawa Suruhanjaya adalah diwujudkan untuk pelbagai kuasa, untuk memberi cadangan untuk mendapatkan lesen daripada Menteri, penyiasatan bagi pentadbiran, kuasa untuk menggubal peraturan, daftar, pemberitahuan dan sebagainya. Kita dapati Suruhanjaya juga diberi kuasa untuk

pengawalseliaan dan pengawalseliaan ini juga telah dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu ekonomi, teknik perlindungan pengguna dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya juga menyentuh tentang Suruhanjaya yang kita harapkan akan dianggotai oleh mereka yang benar-benar berkemampuan dan saya percaya buat masa ini pun mereka memang benar-benar berkemampuan untuk melaksanakan tugas-tugas mereka. Saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah hanya satu titik permulaan perkembangan satu rang undang-undang yang akan bercambah kepada undang-undang lain kerana bidang ini adalah luas. Kita akan dapati bahawa akan wujud kesalahan-kesalahan yang pada hemat saya, dalam masa beberapa tahun nanti kita akan melihat bahawa perlu wujudnya kanun jenayah multimedia, perlu wujudnya pula undang-undang asing lain yang membantu kepada undang-undang ini kerana undang-undang yang ada ini saya tahu ianya begitu tebal tetapi saya pasti juga ianya merupakan satu undang-undang yang hidup yang perlu diperkembangkan dari masa ke semasa.

Saya berpendapat bahawa Suruhanjaya dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan oleh kerana kita masih lagi di peringkat awal mungkin perlu mengadakan penyelidikan untuk mengenal pasti apakah masalah-masalah atau isu-isu yang akan dihadapi. Contohnya, mungkin dari segi yang saya sebut tadi, dari segi politik tetapi yang mungkin banyak yang perlu dibertakkan juga ialah dari segi ekonomi.

Saya ada membaca tentang World Watch ini mengatakan apakah perkara-perkara negatif yang akan timbul dalam dunia digital ini. Ini juga mungkin sangat berkait rapat dengan pengguna iaitu perlindungan kepada pengguna. Yang paling menarik yang saya rasa banyak menggunakan teknologi digital ini ialah sebenarnya penjenayah. Penjenayah 'drug cartel' seperti di Colombia merekalah yang sebenarnya mengatasi segala ilmu teknologi tentang digital ini dan teknologi ini digunakan untuk kegiatan jenayah. Apa yang disebutkan di sini dia kata dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, 'top Kellie drug cartel manager is as weird as any silicon valley and as sedative'. Sebenarnya merekalah yang lebih banyak menggunakan teknologi ini kerana mereka banyak wang dan oleh itu mereka dapat 'the top brains' dalam digital teknologi.

Malah CIA sendiri pun mengakui 'sophistication of the kale cartel' sebabnya mereka ini banyak menjalankan kegiatan-kegiatan drugs dan kita dapati dari segi ekonominya kita lihat bahawa komputer ini dijadikan satu tools yang sangat efisien dalam Competitive International Industry. Jadi kita tidak dapat lari, kita perlu bersedia apakah sistem teknologi ini terutamanya dalam bidang electronic banking. Saya masih ingat lagi kita telah meluluskan Akta Digital Signature dan sebagainya, yang kita tahu bahawa kita juga sedang berkembang dalam bidang electronic banking. Pada pandangan ahli-ahli teknologi ini, electronic banking ini sangat mudah dimanipulasi dalam masa hadapan dan juga kita dapati bahawa di dalam satu sistem bank yang elektronik, yang tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi, amat mudah bagi hackers, yakin penjenayah-penjenayah komputer untuk menembusi sistem dan money laundering agak mudah dapat dilaksanakan kerana kalau dahulunya mereka perlu membawa

wang berbeg-beg tetapi dengan menggunakan digital teknik mereka hanya memindahkan wang itu melalui cyber space.

Begitu juga kita dapati bahawa sistem crashes yang perlu juga diambil kira dan cellular phone piracy atau cloning, ini juga telah banyak kita sendiri telah merasa telefon kita selalu diklon. Mungkin di sini pihak kementerian boleh memberi penjelasan kerana masalah ini ialah masalah semasa dan apakah tindakan yang telah dibuat. Saya sendiri - telefon diklon dan juga bilnya masih tidak dibayar kerana cloning dan apakah tindakan yang boleh diambil. Begitu juga dengan inscription yang merupakan jenayah-jenayah yang akan kita hadapi. Saya merumuskan bahawa digital crimes ini perlulah diberi perhatian oleh pihak kementerian, mungkin pihak suruhanjaya ataupun badan penyelidikannya supaya kita bersedia menghadapi masalah ini dan mengetahui masalah ini agar dapat kita sama-sama hadapi apabila kelak kita fully becomes digital.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak kementerian melihat daripada segi sosial jenayah, saya tahu ada beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini yang menjadikan kesalahan bagi perkara-perkara yang illegal, perkara-perkara yang tidak etika dan bermoral. Tetapi kita perlu persediaan penyelidikan yang lebih canggih, mungkin kita boleh gunakan. Kita agak bernasib baik kerana kita boleh menggunakan pengajaran daripada negara-negara yang mendahului daripada kita. Mungkin daripada silicon valley mungkin salah satu daripada tindakan yang boleh di ambil ialah kita menghantar penuntut-penuntut kita yang telah tamat pengajian, contohnya di universiti-universiti di Kanada, Amerika ataupun di England untuk pergi ke MSC seluruh dunia untuk mendapat pengalaman seperti di Bangalore, seperti di silicon valley dan sebagainya.

Mungkin mereka akan membawa balik ilmu-ilmu itu untuk dapat digunakan bersama tetapi perlulah ada satu perancangan yang terperinci. Perlulah pihak sumber manusia MSC ini, suruhanjaya atau badan dari segi kementeriannya membuat perancangan yang lebih terperinci untuk mengagih-agihkan lepasan atau garduan-graduan teknologi kita di luar negara untuk dihantar dan di tempat-tempat yang berkenaan untuk dapat mengambil ilmu-ilmu tersebut dibawa balik kerana ianya merupakan perkara-perkara yang sudah dikenal pasti tetapi mungkin masih lagi kita tidak mengembangkannya dan tidak dapat membangunkannya.

Saya juga ingin menyentuh tentang persediaan atau penyelidikan dari segi pendidikan. Memang kita hendak wujudkan smart school dan saya rasa banyak perkara telah digunakan ataupun diwujudkan. Kita tahu ada smart games, smart places of ideas and lab dan sebagainya. Mungkin kita boleh menghasilkan Bill Gates dan bill gross dan segala bil yang mempunyai ilmu dalam teknologi ini. Tetapi soalnya mungkin smart school akan dilaksanakan dengan matlamat tersebut tetapi saya percaya juga ada lagi penuntut-penuntut yang ada kini yang mempunyai kepintaran dalam bidang ini yang mungkin boleh di 'hand pick' oleh pihak kementerian sama ada pihak kementerian ini atau pihak Kementerian Pendidikan.

Kita tidak mampu untuk menunggu begitu lama untuk mendapatkan expertise yang kita perlukan kerana ini juga adalah satu perkara yang saya rasa kalau ada perancangan kita kini, kita boleh hand pick the brilliance students, memang ramai saya rasa the brilliant student, we don't want them to come back tanpa ilmu yang kita perlukan untuk pembangunan MSC. Sebab kadangkala ada ramai anak

kita yang brilliant tetapi tidak di'chanel'kan kepada tempat-tempat yang sepatutnya. Saya tahu ada, contohnya di Queens University, ada seorang penuntut yang dianggap brilliant kerana memang born brilliant. Tetapi mungkin kita tidak menggunakan untuk tanggungjawab tertentu terutamanya bagi MSC kita.

Dari segi pendidikan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin kita mengkaji banyak perkara seperti tutorial intermediate dan perkara yang boleh menentukan perkembangan otak anak-anak ini untuk sama-sama menjadi orang yang berteknologi atau otak yang berteknologi tetapi beragama, mempunyai nilai-nilai yang murni. Kita lihat anak-anak kita sekarang ini banyaknya terdedah kepada berbagai-bagai games – Nintendo dan sebagainya. Soalannya ialah apakah pihak kementerian mempunyai satu perancangan untuk mengawal selia jenis-jenis games ataupun menyediakan educational games yang tertentu untuk dapat membentuk perkembangan pemikiran dan pendidikan anak-anak ini. Adakah kita sendiri di Malaysia ini mempunyai games yang kita sendiri cipta yang berteraskan nilai-nilai murni, agama tetapi juga berteraskan teknologi.

Mungkin saya tidak berapa arif dalam perkara ini tetapi saya berpendapat bahawa persediaan ini juga penting. Persediaan ini akan menentukan sebenarnya ciri-ciri pembawakan (character) seseorang anak itu nanti. Kerana digital world ini memanglah satu world atau dunia web era ini adalah satu yang tidak mempunyai batasan. Tidak ada langsung mempunyai apa-apa sekatan, walaupun kita cuba membuat sekatan, sekatan itu mudah sangat untuk diketepikan. Jadi perkara ini mungkin saya mencadangkan merupakan salah satu daripada persediaan dan sebagai satu bahan penyelidikan pihak MSC atau kementerian dalam kita menyediakan diri kita untuk alaf 21 dan millennium web era ini.

Saya juga tentu sekali menyokong rakan-rakan saya seperti Senator Datuk Haji Ibrahim dan Senator Dato' Ghazi mengenai impaknya kepada gejala sosial yang memang kita tahu memang tidak banyak.

Tetapi saya percaya dan yakin walaupun kita merasakan ianya satu masalah yang payah dihadapi tetapi seperti kata Yang Berhormat Datuk Ibrahim tadi kita perlu mencari jalan-jalan untuk mengawal agar kita sebenarnya 'in control of the situation and not carried away by the situation. Being in control' kita akan dapat menentukan arah tuju kita kerana bill ini sudah menunjukkan kemampuan kita untuk mengawal keadaan tetapi perlulah diperincikan lagi agar kita dapat mewujudkan masyarakat teknologi digital ala Malaysia seperti mana juga kita hendak mewujudkan negara maju membangun ala-Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin menyentuh tentang undang-undang khusus yang saya katakan tadi bahawa undang-undang ini hanya permulaan dan akan bercambahnya undang-undang lain terutamanya Undang-undang Jenayah Multimedia. Saya berpendapat bahawa perlulah kita memikirkan satu seksyen, jika tidak dalam itu mungkin dalam undang-undang lain tentang Kanun Undang-undang Jenayah Multimedia. Ianya merupakan satu era baru yang perlu diteliti agar apabila kita berdepan dengan masalah-masalah ini ianya akan memudahkan kita menguatkuasa dan melaksanakan undang-undang. Mungkin di Amerika kita boleh dapat contoh daripada kes US Government V.S Microsoft dan ada lagi banyak kes lain-lain yang mungkin dari situ kita dapat

mengembangkan apa yang kita boleh panggil sebagai kawalan kepada jenayah multimedia seperti juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim tadi, "Prevention is essential, we have to prevent" kalau dapat menghalang tetapi kalau berlaku pun kita dapat juga mengatasi masalah sebab kita sudah bersedia dan dengan adanya rang undang-undang yang kita dapat cipta daripada penyelidikan, daripada apa yang dialami oleh negara-negara lain kerana perubahan teknologi ini begitu pantas. Jadi kita perlu bergerak lebih pantas daripada kepantasannya. Dan seperti yang saya katakan beberapa kali tadi bahawa kita memang bernasib baik kerana kita 'we are following the trend and we have examples' kita a precedent, kita ada negara-negara maju lain yang dapat memberi kita tunjuk ajar, itu sebab saya percaya juga kita telah dapat menggubal rang undang-undang ini kerana kita belajar daripada apa yang telah mereka lalui dan kalau kita dapat 'go one step further, I think we are in the better prepared state to' melaksanakan dan terus menjadi digital citizen dengan lebih prepared.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya mendapati bahawa bukan sahaja undang-undang khusus dari segi jenayah tetapi saya juga mengharapkan pihak MSC atau kementerian akan terus membuat penyelidikan dan terus membuat persediaan daripada pelbagai aspek lagi. Saya juga merasakan bahawa masa depan kita adalah satu masa depan yang begitu kompleks dan kita juga perlu menyediakan diri seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa 'we have to move forward', bukunya yang bertajuk *The Way Forward* itu sememangnya merupakan intisari dan falsafah kita menghadapi alaf 21. Kita perlulah berganding bahu, kita perlulah memerah otak dan seterusnya memberi sokongan yang jitu untuk kita melangkah ke hadapan dalam satu senario baru yang walau kita suka atau tidak suka perlu kita hadapi. Kita perlu bersedia dan perlulah faham bahawa sebenarnya kalau dahulu mengatakan 'knowledge is power, now they say communication is power'. Komunikasi yang akan membawa informasi akan memberi kekuatan kepada kita, kepada negara, kepada bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

6.27 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998.

Saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat lain ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana mendahului banyak negara seluruh dunia untuk mengutarakan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini dan kerangka perundangan ini insya-Allah, akan memberikan kita sebagai satu latarbelakang untuk bergerak mencanggihkan lagi dari segi teknologi, dari segi kegunaan multimedia, dari segi kegunaan kawasan Koridor Raya Multimedia yang kita wujudkan sejajar dengan keperluan semasa.

Walau bagaimanapun saya rasa rang undang-undang ini terpaksa mengunjurkan kepada kemungkinan sistem komunikasi negara kita sendiri pernah diancam oleh kegiatan-kegiatan dan alat-alat yang canggih yang dibuat kadangkala oleh negara-negara yang berdekatan. Saya tidak tahu bagaimana rang undang-undang ini dapat 'memanjangkan tangannya' untuk menguasai perundangan antara negara dengan negara. Contohnya pada suatu ketika pernah saya bawa ke dalam Dewan ini bagaimana

sistem komunikasi pertahanan kita menerusi kapal terbang, jet fighter dan sebagainya, kita lihat komunikasinya 'jam' oleh negara-negara, mungkin negara jiran dan perkara ini saya tidak tahu bagaimana ia dapat diselesaikan kerana dalam kita meningkatkan kecanggihan teknologi komunikasi, kita bimbang komunikasi dalam negara kita sendiri yang memperkuatkan pertahanan itu kadangkala dapat ditembusi oleh cara dan tindakan moden yang lebih canggih daripada kita sehinggakan setakat ini saya tidak tahu apakah undang-undang yang sudah kita buat pada waktu itu untuk mengambil tindakan. Kalau sekiranya benar komunikasi kita di'jam'kan, dengan izin, oleh pihak-pihak tertentu. Saya tidak tahu mungkin pihak negara jiran, walau bagaimanapun itu satu persoalan baru kita hendak tahulah dari pihak kerajaan kalau betul wujudnya incident-incident di mana komunikasi pertahanan kita di'jam'kan oleh orang-orang tertentu, apakah tindakan yang diambil dan adakah Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998 ini menjangkau dan dapat berdepan dengan masalah-masalah ini.

Saya juga amat tertarik hati dengan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia ini dalam konteks kita menyelesaikan masalah Y2K. Tidak lama lagi, saya rasa lebih kurang 500 hari lagi, kita akan melangkah ke alaf baru. Saya difahamkan seluruh dunia mengalami masalah komunikasi, masalah multimedia, masalah komputer di mana chipnya tidak dapat merangkumi tarikh baru, tahun baru, tahun 2000 dan seluruh dunia menganggarkan perbelanjaan lebih kurang US\$600 bilion bagi menukarkan sistem yang ada sekarang ini kepada sistem yang boleh menjaminkan sistem itu terus bergerak pada 1.1.2000.

Saya tidak nampak bagaimana usaha yang amat tegas dan cepat dapat dibuat dalam masa 500 hari ini di negara kita ini. Adakah sekarang ini pihak kementerian, baik Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ataupun kementerian-kementerian lain menjalankan usaha bagi menentukan setiap syarikat yang menggunakan komputer yang terpaksa diubahsuai bagi mengambil kira 1.1.2000 ini menjalankan tindakan dan usaha bila sampai 1.1.2000 komputer mereka dapat terus digunakan. Tidak ada kena 'jam', tidak ada virus, dapat berjalan. Saya bimbang untuk hendak terbang dengan kapal terbang pada 1.1.2000 sebab tengah di dalam awan, tengok-tengok kapal terbang 'jam', komputer sudah rosak, terapung-apung kita di atas. Ini mungkin berlaku, kita tidak tahu.

Saya hendak tahu apakah senario pada 1.1.2000 kalau sekiranya komputer-komputer yang ada sekarang ini tidak dapat mengatasi masalah ini. Kita dengar bank-bank antarabangsa misalnya, City Bank akan mengeluarkan perbelanjaan lebih kurang US\$600 milion, Bank of Amerika US\$300 milion....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup nampaknya, sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

